



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4305]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1986 [Ruangan 4357]

- Yang Berhormat DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau -Pinang).
- TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAPAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K.(Melaka).
- PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI P.P.N., J.P. (Melaka).
- DATO DR K. S. NUHAR (Dilantik).
- TUAN M.G. PANDITHAN (Selangor).
- TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).

„ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD,
(Dilantik).

„ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).

„ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).

„ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

„ TUAN TAY CHEEKING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.
Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdu! Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.
Penyunting Kanan: P. B. Menon.
Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.
Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.
Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Hajjah Kalsom binti Ghazali
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 12hb Disember, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA****(Timbalan Yang di-Pertua *tnem-pengerusikan Mesyuarat*)****JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****PERSIDANGAN PATA 1986—
TARIKAN PELANCONG-
PELANCONG**

1. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada penyediaan-penyediaan telah dibuat untuk menarik pelancong-pelancong asing yang akan menghadiri persidangan PATA 1986 pada tahun depan dan jumlah perbelanjaan yang telah diperuntukkan untuk maksud tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin); Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Persidangan PATA akan diadakan pada bulan April, 1986, Malaysia sebagai tuan rumah telah pun membuat persediaan-persediaan setahun lebih awal iaitu mulai bulan Mac tahun ini. Langkah-langkah telah pun diambil untuk menarik seberapa ramai peserta dan pelancong-pelancong dari negara-negara asing untuk datang ke Malaysia. Aktiviti galakan di luar negeri telah pun dimulakan pada bulan Februari, bila mana Malaysia menyertai pameran pelancongan di Berlin pada bulan Mac, 1985 dan diikuti dengan aktiviti-aktiviti

galakan yang telah diadakan di Bangkok pada April 1985, di Auckland-New Zealand pada April 1985, Australia pada April/Mei 1985, Bangkok pada April, 1985, India pada Mei 1985, Seoul-Korea Selatan pada Julai 1985, Amerika Syarikat dan Kanada pada Ogos-September 1985, Eropah 6hb November-2hb Disember, 1985 dan Negeri Jepun dari 25hb-28hb November, 1985. Galakan ini akan diteruskan di negara-negara seperti Hongkong, Taiwan, Macao serta negara-negara ASEAN tidak lama lagi. Di dalam aktiviti penggalakan luar negeri ini, pameran pelancongan, persembahan kebudayaan, pertunjukan "audio-visual" diadakan untuk menarik lebih ramai para delegasi menghadiri persidangan ini di Kuala Lumpur.

Pejabat-pejabat Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di luar negeri turut memainkan peranan di dalam bidang ini. Urusetia PATA di San Francisco telah pun mengedarkan penerangan dan jemputan kepada para peserta mulai November, 1985 untuk menghadiri persidangan PATA di Kuala Lumpur.

Di samping galakan-galakan di luar negeri, beberapa program khas telah pun dibentuk untuk para peserta PATA semasa persidangan di Kuala Lumpur nanti. Ini termasuklah program untuk pasangan seperti lawatan ke tempat-tempat yang menarik di sekitar Kuala Lumpur, pertunjukan demonstrasi dan jualan kraftangan. Program-program lawatan selepas persidangan ke negeri-negeri lain di Malaysia juga diaturkan untuk

mbolehkan para delegasi melihat dan menikmati keindahan tempat-tempat pelancongan negeri ini.

Di dalam menganjurkan persidangan PATA ini, Kerajaan telah membuat peruntukan sebanyak \$7.5 juta bagi tujuan ini. Sungguhpun begitu, Kerajaan cuba mengurangkan perbelanjaan dengan mendapatkan sumbangan dan sokongan dari sektor swasta untuk membiayai sebahagian perbelanjaan untuk menganjurkan persidangan PATA di Malaysia ini. Saya ingin menyatakan di sini bahwa jumlah peruntukan yang dibuat ini termasuklah perbelanjaan program galakan pelancong luar negeri yang juga bertujuan menggalakkan pelancong melawat Malaysia. Lain-lain perbelanjaan adalah berkaitan dengan meningkatkan usaha pengindahan kawasan dan bangunan-bangunan di seluruh negara.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu salah satu daripada galakan menarik pelancongan ke negara ini seperti mana yang telah disiarkan dalam TV pada petang semalam iaitu Hari Raya Haji, Tahun Baru Cina dan Deepavali dan juga Pesta Pulau Pinang ini adalah salah satu daripada acara penarikan kepada pelancong-pelancong ke negara ini sebagai pesta keagamaan.

Jadi oleh kerana menggalakkan pelancongan ke Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga bertanya kepada Timbalan Menteri iaitu kenapakah perayaan seperti Pesta Menuai di Sabah dan Hari Gawai di Sarawak tidak dimasukkan dalam pameran acara penarikan pelancongan ke Malaysia?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memastikan, tetapi kalau begitu halnya mungkin dia tertinggal tetapi boleh saya katakan dengan

sebab arahan Kabinet telah pun dikeluarkan baru-baru ini bahawa pesta dan juga keraiian-keraiian rakyat yang lain harus juga digambarkan dan diberikan penerangan yang seluas-luasnya sebagai satu tarikan kepada pelancongan. Kalau sekiranya apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tidak termasuk, mungkin kita akan masukkan tetapi kalau sudah, mungkin penerangan yang lebih jelas perlu disampaikan ke peringkat antarabangsa umpamanya untuk menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada penarikan yang dibuat bagi galakan para pelancong di Malaysia ialah kebudayaan berbagai jenis dan corak di Malaysia. Saya ingin bertanya semasa persidangan PATA, adakah Kementerian akan menyediakan program untuk menggambarkan kebudayaan-kebudayaan berbilang bangsa di Malaysia?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun menyusun beberapa program yang boleh dikatakan menyeluruh untuk memberikan kesempatan kepada para pelancong dan juga para delegasi mengetahui sebenarnya latar belakang kehidupan di Malaysia. Dalam konteks ini serba sedikit pencerminan dari dalam bentuk kebudayaan akan juga dipersembahkan bagi memberitahu dan juga menunjukkan kepada petancong asing tentang bentuk kebudayaan yang wujud di negara kita ini. Walaupun pada umumnya tekanan akan diberi kepada soal bentuk kebudayaan kebangsaan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu setakat ini had manakah penyertaan pihak swasta dalam memperhebatkan program PATA di tahun hadapan dan berapa banyakkah

sumbangan mereka terhadap pembiayaan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menyebutkan bahawa kita telah pun menjangka peruntukan yang diperlukan bagi keseluruhan Persidangan PATA termasuk pos dan prepromotion ialah sebanyak \$7.5 juta. Saya suka memaklumkan bahawa setakat ini kita telah pun mendapat pembiayaan ataupun sponsorship, penajaan hampir \$2.7 juta daripada syarikat-syarikat tempatan kita, termasuklah Sistem Penerbangan Malaysia yang telah pun bersetuju memberikan sumbangan sebanyak \$2 juta, tetapi sebagaimana yang telah pun saya sebutkan tadi kita masih lagi memerlukan dan juga menyeru kepada pihak sektor swasta untuk tampil ke hadapan bagi memberikan sokongan material untuk menjayakan program yang saya sebutkan tadi.

TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA-PANDANGAN MALAYSIA

2. **Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil lawatan Timbalan Menteri Luar ke Negera Laos;
- (b) apakah pandangan dan pendapat Kerajaan Laos mengenai usaha Kerajaan Malaysia berhubung dengan tentera-tentera Vietnam di Kampuchea; dan
- (c) apakah pandangan Kerajaan Laos mengenai usaha Kerajaan Malaysia untuk menjadikan kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di kawasan rantau Asia.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, mengenai (a) lawatan saya ke Laos pada 10hb ke 12hb Oktober, 1985 adalah atas jemputan Kerajaan Laos dan rangka pertukaran lawatan di antara kedua buah negara untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala. Semasa di sana saya telah berjumpa dan mengadakan perbincangan dengan beberapa pemimpin Laos khususnya Encik Saly Yongkhamsao, Timbalan Perdana Menteri, Encik Khamphay Bampha, Pemangku Menteri Luar, Encik Soulivong Phasithideth, Timbalan Menteri Luar dan beberapa orang Menteri yang lain. Dalam perbincangan-perbincangan tersebut pemimpin-pemimpin Laos telah melafazkan hasrat untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala, khususnya hubungan perdagangan dua hala dengan kita.

Saya juga berpeluang melawat ke beberapa tempat di Laos untuk menyaksikan dengan sendiri kemajuan yang terdapat di negara tersebut. Dalam bidang perdagangan, saya telah mengulangi tawaran kepada Laos secara pertukaran perdagangan. Ini merupakan peluang baik untuk meningkatkan lagi perdagangan dengan Laos, memandangkan bahawa negara tersebut menghadapi kesukaran dalam pertukaran wang asing.

Di samping itu perdagangan secara pertukaran perdagangan akan membuka lagi pasaran kepada Laos kepada barangan dari Malaysia.

Mengenai soalan (b) pula saya telah menerangkan kepada pemimpin-pemimpin Laos pendirian Malaysia dan ASEAN berhubung dengan usaha untuk mencari penyelesaian politik terhadap isu Kampuchea. Bagaimanapun Laos masih tidak berubah pendiriannya dan tetap

menyokong pendirian yang telah diambil oleh Vietnam berhubung dengan isu Kampuchea.

(c) pula, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkara ini secara khususnya tidak dibangkitkan semasa lawatan saya ke Laos, namun Laos tidak pernah menolak cadangan supaya kawasan Tenggara Asia dijadikan kawasan aman dan bebas. Apa yang berbeza di antara pendirian ASEAN dan Laos ialah ASEAN berhasrat supaya ikhtiar ke arah ZOPFAN itu diusahakan bersungguhsungguh selepas isu Kampuchea diselesaikan. Manakala Laos pula berpendapat bahawa pengwujudan kawasan aman dan bebas tidak ada kaitan dengan isu Kampuchea.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan persetujuan telah pun diambil walaupun tidak dengan secara langsung di antara Laos dengan Malaysia dalam masalah dagangan. Apakah jenis dagangan atupun barangan yang boleh kita buat di antara Malaysia dengan Laos, terutama sekali barangan daripada Laos, bolehkah Yang Berhormat sebutkan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, perundingan cara detail atau secara khusus sedang dijalankan di peringkat pegawai-pegawai. Sebagaimana kita tahu Laos sungguhpun kawasannya luas tetapi penduduknya adalah hanya lebih kurang 1 juta lebih sedikit. Oleh sebab itu, barangan yang boleh diperolehi dari Laos adalah terhad.

Namun demikian, mereka mempunyai banyak potensi soal-soal galian, perhutanan dan sebagainya. Kita dapat menghantar kepada mereka minyak kelapa sawit dan juga barang-barang buatan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu daripada segi perdagangan ini, adakah juga Kerajaan Malaysia akan menawarkan bantuan teknikal kepada Laos iaitu sepertimana pertukaran barang yang diharapkan daripada negara Laos ini sepertimana Yang Berhormat kata mereka itu kaya dengan bahan-bahan galian yang masih belum diterokai. Jadi dengan adanya bantuan teknikal adakah pelabur-pelabur daripada Malaysia ini boleh melibatkan diri dalam mencari penerokaan di Laos.

Dan juga soalan saya yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat pernah membayangkan kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan Laos ataupun mereka ini ada membayangkan yang Kerajaan Laos ini akan menyertai ASEAN.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin sedia maklum bahawa Laos adalah ditakrifkan dalam istilah Bangsa-bangsa Besatu sebagai least developed country, ianya adalah sebuah negara yang tidak berpantai ataupun land-locked memang suatu negara yang perlu dibantu. Memandangkan kedudukan itu dan juga oleh sebab Laos adalah sebuah negara jiran kepada kita, maka kita telah pun menawarkan bantuan di bawah program bantuan kerjasama teknik iaitu Malaysian Technical Co-operation Programme dan tawaran saya itu sedang diselidik dan sedang dipertimbangkan oleh negara Laos. Begitu juga pegawai-pegawai kita sedang menyiasat kemungkinan pelabur-pelabur kita melabur di Laos, ini juga sedang diselidik.

Mengenai sama ada Laos sanggup atau tidak untuk memasuki ASEAN, saya rasa perkara ini adalah terlalu awal. Saya tidak membangkitkan perkara tersebut tetapi sebelum tercetusnya krisis Kampuchea iaitu

sebelum Vietnam bertindak untuk menduduki Kampuchea, memang usaha-usaha ke arah itu telah pun dimulakan dan sedikit sebanyak terdapat bayangan bahawa Yietnam, Laos dan Kampuchea akan menyertai ASEAN, tetapi perkara ini terpaksa disambung balik, insya Allah, apabila masalah Kampuchea selesai kemudian nanti.

TEKNOLOGI MODEN— PENGUNAAN

3. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan menurut kenyataan bekas Gabenor Bank Negara, Penggunaan teknologi moden telah menghasilkan kecekapan kerja menjadikan negara bergiat cergas di sektor perindustrian, dengan melatih pakar-pakar teknologi tempatan di institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia dapat menjimatkan berjuta-juta ringgit; oleh yang demikian, adakah Kerajaan telah dan akan melaksanakan suatu dasar selaras dengan kenyataan tersebut.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa teknologi moden serta alat kelengkapan moden seperti komputer akan menambahkan lagi kecekapan kerja dan kemajuan negara. Keperluan penggunaan teknologi moden dan pakar-pakar teknologi tempatan yang terlatih telah difahami oleh sektor perindustrian. Kerajaan sedang giat meneliti pelan induk perindustrian atau industrial master plan, dengan izin, yang mana termasuk kemajuan tenaga rakyat yang akan melibatkan keutamaan untuk mempertingkatkan lagi kemudahan pengajian dan pendidikan di institusi-institusi pengajian tinggi Malaysia.

Pihak industri akan digalakkan untuk menyertai program kemajuan tenaga rakyat. Dalam hubungan ini

pelan induk perindustrian tertentu akan menyediakan strategi bagi meningkatkan lagi tahap sains dan teknologi di negara ini.

SAIZ PERKHIDMATAN AWAM

4. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Perdana Menteri menyatakan hakikat daripada dasar Kerajaan bahawa saiz perkhidmatan awam di negara kita harus dikurangkan apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil atau akan diambil untuk mencapai matlamat tersebut. Sekiranya langkah-langkah Kerajaan mengakibatkan ramai pegawai dipecat dari jawatan mereka apakah rancangan Kerajaan untuk memberi bantuan kepada mereka apakah rancangan kepincangan kewangan yang mereka akan alami.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, pada jangka pendeknya langkah-langkah yang diambil bagi tujuan mengawal pertambahan kepada keanggotaan perkhidmatan awam ialah mengadakan kawalan terhadap pengisian, serta mewujudkan jawatan baru, menggunakan anggota secara optima serta meningkatkan produktiviti. Bagi tempoh jangka panjang pula, langkah-langkah yang diambil bagi tujuan mengurangkan bilangan keanggotaan perkhidmatan awam ialah menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang sekarang dikendalikan oleh Kementerian, jabatan, agensi-agensi Kerajaan dan sebagainya.

Mengkaji semula kedudukan dan susunan organisasi dan fungsi agensi-agensi tertentu supaya kemas, functional dan tidak bertimbal tindih serta mewujudkan sistem perancangan tenaga manusia yang lebih berkesan. Tindakan-tindakan yang telah, sedang dan akan diambil selaras dengan langkah-langkah tersebut tidak

bertujuan mengakibatkan pembuangan kerja atau retrenchment bagi keanggotaan yang sedia ada.

Walaupun perkhidmatan-perkhidmatan tertentu diswastakan, pekerja-pekerja yang terlibat akan diberi option untuk terus bekerja dengan syarikat yang mengambil alih perkhidmatan berkenaan. Dengan itu, mereka tidak akan kehilangan pekerjaan.

Tuan M. G. Pandithan: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kakitangan Kerajaan dibayar gaji terlalu rendah dan kebanyakan mereka terutama golongan berpendapatan rendah sedang menghadapi kesulitan tanpa diduga dalam hidup mereka? Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan perkara tersebut?

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan tanggagaji-tanggagaji Perkhidmatan Awam negara Malaysia kita dengan beberapa negara jiran termasuklah beberapa negara ASEAN sebenarnya tanggagaji-tanggagaji kita lebih tinggi daripada di sana. Adalah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan untuk memberi perhatian dan meninjau dan memikirkan dari masa ke semasa, tidak semestinya sekali 5 tahun, tetapi dari masa ke semasa sama ada perlu dinaikkan lagi tanggagaji-tanggagaji Perkhidmatan Awam Malaysia kita dan penyemakan semula tanggagaji-tanggagaji ini memanglah sentiasa berdasarkan kepada keupayaan kewangan negara kita untuk menampung penambahan gaji-gaji itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bahawa Kerajaan telah berusaha melahirkan

anggota-anggota dan kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya bekerja dengan cekap, antara usaha-usaha itu ialah mengadakan kad perakam waktu, fail meja dan Q.C.C. Saya ingin tahu setakat ini di atas usaha-usaha yang dibuat itu sejauh mana kejayaannya.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal tadi. Walau bagaimanapun, mengenai dengan perakam waktu itu telah pun saya jawab di Dewan ini dan yurig lain-lain, fail meja dan Q.C.C. itu, pada ketika ini berjalan dengan baik dan sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin bertanya perkara-perkara itu bolehlah menyampaikan soalan itu nanti kerana ada masa lagi di masa hadapan dan saya atau rakan saya di Jabatan Perdana Menteri memang sudi akan menjawabnya nanti.

KHIDMAT NASIHAT KAUNSELING

5. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan adakah pihaknya mengadakan "khidmat nasihat/kaunseling untuk orang ramai dan berapakah bilangan pegawai Kebajikan Masyarakat yang telah mengikuti kursus dan berkelayakan untuk berkhidmatan sebagai kaunselor.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Pegawai Kebajikan Masyarakat memberi nasihat dan kaunseling kepada semua di bawah jagaan mereka dan juga kepada orang awam yang memerlukannya. Kemahiran di segi kaunseling adalah sebagai satu alat yang perlu ada pada tiap-tiap seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka seharian.

Bahagian Latihan dan Kemajuan Kerjaya, Kementerian Kebajikan Masyarakat mengadakan beberapa kursus kaunseling pada tiap-tiap tahun untuk semua lapisan Pegawai Kebajikan Masyarakat. Bilangan Pegawai Kebajikan Masyarakat yang telah mengikuti latihan kaunseling adalah seramai 432 orang dan bagi Pembantu Kebajikan Masyarakat pula adalah seramai 408 orang pada tahun ini. Mereka yang dilatih bukan sahaja datang dari Kementerian Kebajikan Masyarakat tetapi juga Kementerian-kementerian Dalam Negeri dan Kesihatan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan sebuah pusat khidmat nasihat/kaunseling khusus dalam Kementerian yang tersebut supaya memudahkan orang ramai untuk berhubung seperti mengadakan "hot line" di jabatan tertentu di tiap-tiap negeri dan pegawai yang khusus bagi kerja-kerja kaunseling terutamanya kepada penagih dadah ataupun bakal-bakal penagih dadah untuk mendapatkan kaunseling daripada mereka?

Datuk Dr James P. Ongkili: Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebajikan Masyarakat mempunyai Cawangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di seluruh negara termasuklah di Semenanjung, Sarawak dan Sabah dan seperti yang saya telah katakan di jawapan asal ini jabatan dan pegawai-pegawai itu diberi latihan dalam kaunseling. Mengenai dengan cadangan pusat khusus atau khas untuk kaunseling ini akan dipertimbangkan sama ada perlu ataupun tidak.

MASYARAKAT MELAYU DI SRI LANKA

6. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kesan-kesan

sejarah dunia Melayu di Sri Lanka sejak 200 tahun yang lalu. Adakah dengan terdapatnya golongan yang mendakwa mereka yang bertutur Bahasa Melayu sebagai orang-orang yang berasal dari Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Melayu adalah dipercayai telah wujud di Sri Lanka sejak lebih 250 tahun yang lalu. Kehadiran dan penglibatan mereka di dalam kancas sosio-politik dan juga kebudayaan adalah sangat ketara ketika di zaman penjajahan Inggeris dan juga Belanda di negeri-negeri Timur Jauh. Pada masa itu terdapat ramai orang-orang Melayu yang berkhidmat dengan Penjajah Belanda, Inggeris dan juga pemerintahan tempatan Sri Lanka. Ini terbukti daripada penulisan-penulisan mengenai sejarah pra-kemerdekaan Sri Lanka dan juga kesan-kesan sejarah yang masih tinggal di Sri Lanka hingga sekarang. Di antara kesan sejarah dunia Melayu yang penting ialah dengan terjumpanya manuskrip-manuskrip Melayu yang mempunyai nilai-nilai kesusteraan dan agama yang tinggi seperti "Alamat Langkapuri" sebuah suratkhbar Melayu yang terawal dan menggunakan tulisan jawi yang diterbitkan di Colombo oleh Baba Onnus Saldin iaitu seorang keturunan Melayu dalam tahun 1869.

Mengenai perkara kedua pula, Tuan Yang di-Pertua, orang-orang Melayu di Sri Lanka yang berjumlah lebih kurang 50,000 orang sekarang adalah memang merupakan orang keturunan Melayu yang berasal dari kepulauan Melayu termasuk Malaysia dan masih boleh bertutur di dalam Bahasa Melayu.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu yang mana terdapat lebih kurang 50,000 orang rakyat Sri Lanka yang berketurunan

daripada kepulauan Melayu. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan biasiswa kepada rakyat Sri Lanka yang berasal Melayu ini supaya diberikan pengajian dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia sekarang supaya penggunaan Bahasa Melayu yang telah diwarisi akan terus diwarisi dalam pertuturan yang lebih baik pada hari ini di kalangan rakyat Sri Lanka yang berketurunan Melayu itu?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa sungguhpun 50,000 orang itu adalah keturunan Melayu tetapi mereka adalah rakyat Sri Lanka. Oleh sebab itu kita haruslah berjaga-jaga dalam apa juga usaha kita untuk merri-bentukkannya. Namun demikian, saya rasa apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah satu perkara yang boleh dipertimbangkan.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri memberitahu sama ada kumpulan ini yang membaca dan bertutur dalam Bahasa Melayu serta berasal dari Malaysia akan diberi peluang untuk menetap secara tetap di Malaysia dan diberi kewarganegaraan jika mereka bercadang balik ke Malaysia satu masa kelak?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimanayangtelah saya nyatakan, mereka ini adalah rakyat Sri Lanka dan telah pun turun-temurun menjadi rakyat Sri Lanka. Oleh sebab itu kita haruslah berhati-hati dalam usaha kita mencampurtangan dalam hal ehwal negara asing.

TANAH TERBIAR

7. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menerangkan jumlah sebenar tanah-tanah terbiar

yang terdapat di seluruh negara dan apakah rancangan jangka panjang yang menguntungkan Kerajaan dan rakyat telah dibuat bagi mengusahakan tanah-tanah itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melalui agensi FELCRA telah membuat kajian dan penelitian mengenai tanah terbiar dan telah mengenalpasti 569,223 hektar tanah terbiar di seluruh negara, iaitu meliputi lebih kurang 2,274 buah kampung yang mundur.

Sehubungan dengan ini, FELCRA telah merancang untuk memajukan tanah terbiar tersebut di bawah Program Pemulihan dalam tempoh sehingga tahun 1995.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu bagi setengah-setengah kawasan tanaman padi, biasanya dahlu ditanam dua kali setahun tetapi dalam setahun dua ini telah timbul sekarang ini mereka cuma boleh bertanam sekali sahaja setahun. Jadi ini juga saya rasa adalah satu keadaan yang mewujudkan tanah terbiar. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah ini di dalam program Kementerian juga untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian saya memang ini sebahagian daripada program untuk membaikpulih tanah-tanah yang terbiar seperti itu. Tetapi kadangkala ada juga Kementerian berunding dengan Kementerian Pertanian jika tanah-tanah itu boleh dibaikpulih di bawah program Kementerian Pertanian seperti IADP ataupun Integrated Agricultural Development Programme, dengan izin, dan yang

mana tidak termasuk dalam IADP, FELCRA mengambil kira dan cuba membaik pulih tanah itu sama ada secara lot demi lot ataupun dikumpulkan dalam satu kawasan yang lebih besar.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tanah terbiar ini difahamkan bermaksud tanah rakyat yang tidak diusahakan oleh mereka. Sekiranya tanah terbiar ini diusahakan oleh Kerajaan, apakah masalah-masalah yang akan timbul dan bagaimana penghasilan yang akan diterima oleh tuan tanah tersebut?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dalam kebanyakan program FELCRA memang benar melibatkan tanah-tanah milik yang tidak diusahakan dan apabila telah dipersetujui sesuatu tanah milik itu, sama ada secara individu ataupun secara berkelompok seperti tanah pinggir dan sebagainya yang memerlukan pembaikpulihan, maka contract ataupun perjanjian akan diwujudkan di antara FELCRA dan tuan-tuan tanah untuk membenarkan FELCRA mengusahakannya dan juga bersetuju beberapa syarat-syarat tertentu seperti kos pembangunan dan sebagainya. Ada juga kelompok-kelompok tanah yang merupakan satu rancangan yang boleh dikatakan agak besar yang menyesuaikan dengan sistem saham dan dengan cara sistem saham ini nampaknya jaminan pendapatan yang lebih amat menggalakkan. Beberapa kejayaan dalam rancangan ini juga diambil kesempatan untuk menyatukan tanah seperti di Teratak Batu dan sebagainya di mana adanya tanah-tanah Kerajaan maka tanah terbiar yang tidak ekonomik itu dapat disatukan dengan tanah-tanah Kerajaan yang baru yang diminta oleh FELCRA dan dicukupkan kepada economic holding. Dan kedua, diambil juga kesempatan

untuk menyusun semula kampung-kampung tradisional menjadi kampung-kampung tersusun dan faedah-faedah inilah seperti pendapatan yang bertambah dan dividen dan juga kampung tersusun adalah antara faedah-faedah yang menarik yang telah dapat digerakkan oleh FELCRA.

Dato' G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan sedikit sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan untuk mengambil balik tanah-tanah di Group Settlement Area, dengan izin, yang telah dikurniakan kepada peserta-peserta itu tetapi tidak dapat usahakan tanah itu. Adakah Kerajaan menimbang untuk mengambil balik semula tanah itu dan bolehkah berikan kepada pemohon-pemohon baru?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi mengambilalih tanah untuk memajukan semula telah pun FELCRA buat seperti sekarang di Bukit Apit di Melaka dan juga cadangan di Kajang dan banyak lagi rancangan-rancangan tanah pinggir dan rancangan-rancangan tanah yang dibuka di bawah Group Settlement Act, tetapi yang tidak boleh dibuat hanya untuk diberikan kepada orang lain seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu mungkin tidak dapat kerana mereka ada perjanjian ataupun contractual obligations, dengan izin, di antara Kerajaan Negeri dengan tuan tanah, walaupun agaknya G.A.C. belum dibayar dan sebagainya, tetapi oleh kerana ada rights ataupun hak dari segi perjanjian untuk melupuskan tanah itu kepada mereka maka tidaklah dapat kita beri kepada orang lain. Namun demikian, FELCRA telah memasuki tanah-tanah yang dikeluarkan di bawah Group Settlement Act, dengan izin, dan telah pun dimajukan dan telah pun mendatangkan hasil seperti di Kampung Gong di Pahang ataupun di

Redang Punggul di Perak di bawah tanah skim SC dan sebagainya. Jadi FELCRA telah masuk dalam GSA.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebab-sebab tanah terbiar ialah kerana hasil pulangan tidak dapat memaksimumkan pendapatan tuan punya tanah. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa sebab-sebab menjadikan tanah itu terbiar ialah:

- (1) kerana luas tanah yang dimiliki tidak mencukupi; atau
- (2) kerana kurang modal; atau
- (3) kerana perparitan dan perairan yang tidak sempurna; atau
- (4) kerana tanaman yang ditanam tidak sesuai; atau
- (5) kerana pasaran yang terhad; atau
- (6) kerana amalan kebudayaan hari ini sudah banyak orang tidak mahu bertani.

Katau Yang Berhormat Menteri dalam kajiannya ada sebab-sebab lain selain daripada apa yang saya nyatakan, apa pula sebab-sebab yang menyebabkan tanah begitu banyak terbiar?

Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab masalah tanah terbiar ini banyak, antara Yang Berhormat sebutkan tadi, masalah luas tanah yang tidak ekonomik, absentee landlordism dan sebagainya. Tetapi saya tidak bersetuju bahawa amalan budaya tani itu sudah pupus. Bagi saya FELDA dan FELCRA bahkan juga RISDA telah menunjukkan bahawa amalan pertanian bagi masyarakat luar bandar masih tebal dari segi cara hidup mereka dan walaupun kita telah kenalpasti masalah-masalah tertentu di dalam sesuatu kawasan itu kadang-kadang bukan dimahukan oleh petani itu sendiri tetapi keadaan tanah, misalnya yang marginal ataupun yang kurang subur dan kecil ataupun masalah

infrastruktur yang tidak cukup. Maka setelah dikenalpasti akan masalah-masalah ini FELCRA akan masuk untuk membantu, misalnya satu projek raksaksa yang FELCRA telah di arah oleh Kerajaan untuk masuk ialah di Seberang Perak iaitu mengusahakan tanah lebih kurang 45,000 hektar yang perlu dipulihkan walaupun tanah ini sudah diberi lama tetapi telah tidak dapat dimajukan kerana masalah infrastruktur. Jadi masalah hasil pulangan yang tidak maksimum itulah yang selalunya menjadi punca utama ataupun sebab-sebab yang lain itu hanya compoundkan ataupun menambahkan lebih kompleks masalah tanah terbiar ini.

Hanya satu masalah yang dihadapi dari segi FELCRA pada hari ini ialah memujuk orang ramai di mana tanahnya terbiar untuk menyertai rancangan-rancangan secara berkelompok ini. Misalnya baru-baru ini orang ramai datang satu rancangan tanah berkelompok, tanah pinggir, minta FELCRA majukan tanah tetapi pada masa yang sama minta bayaran sara hidup \$200 sebulan dan kita berpendapat ini akan hanya meningkatkan kos dan kita tidak sanggup memberi sumbangan itu. Maka mereka tidak bersetuju untuk dimajukan secara berkelompok. Perkara-perkara ini untuk memujuk petani-petani untuk menyertai rancangan ini dengan kaedah-kaedah FELCRA itu sendiri ialah yang menjadi masalah utama.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Abdul Ghani bin Othman.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

BUKU KBSR DI SEKOLAH-SEKOLAH

8. Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor (di bawah S. O. 23 (2)) minta Menteri Pelajaran menyatakan siapa

dan atas kriteria apa, sesuatu buku itu dicadangkan untuk digunakan di sekolah misalnya di peringkat 1,2 dan 3 dalam sistem KBSR.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis); Tuan Yang di-Pertua, buku-buku KBSR yang digunakan di sekolah-sekolah sekarang ini dipilih oleh panel penaksiran yang dilantik oleh Kementerian Pelajaran. Ahli-ahli panel itu terdiri daripada guru-guru yang berpengalaman dan juga pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran menggunakan kriteria yang tertentu bagi memilih buku-buku teks dan bahan-bahan bacaan yang dikemukakan oleh penerbit-penerbit. Cara melihat dan menilai sesebuah manuskrip bagi buku-buku yang hendak digunakan di sekolah-sekolah adalah dikriteriakan di bawah perkara-perkara tersebut:

Yang pertama, bahan yang ditulis hendaklah berasaskan tema yang dicadangkan oleh Kementerian Pelajaran.

Kedua, bentuk bahan adalah berbagai seperti kriteria penerangan, puisi, dialog dan lain-lain.

Ketiga, bahan yang digunakan hendaklah mudah dan tepat serta sesuai dengan peringkat murid yang ditujukan.

Keempat, isi kandungannya hendaklah, pertama menarik minat murid-murid; kedua, menambah dan mengembangkan ilmu pengetahuan murid-murid; ketiga, dapat memupuk nilai positif dalam diri murid-murid; keempat, bebas dari kesalahan fakta dan isu kontroversi dan sensitif; kelima, bebas daripada nilai-nilai negatif; dan keenam, mengandungi, integrasi nasional dan penerapan nilai-nilai Islam.

Yang kelimanya ialah buku-buku hendaklah mempunyai ilustrasi yang menarik dan berfungsi dan berkaitan dengan teks itu. Yang akhir sekali, cara persembahan hendaklah menarik.

Tuan D. P. Vijandran: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menyatakan kriteria apa yang digunakan untuk memilih buku-buku dalam sistem KBSR. Saya ingin bertanya adakah kriteria yang sama digunakan dalam pemilihan buku-buku bagi sekolah Tamil? Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sekolah-sekolah Tamil tidak mempunyai bahan-bahan bacaan yang cukup dalam Bahasa Malaysia? Ketiga, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar akan kekurangan jumlah guru-guru Bahasa Malaysia bagi sekolah-sekolah Tamil?

Keempat, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa semua ini akan menyebabkan para pelajar sekolah Tamil menjadi lemah dalam pelajaran mereka? Akhirnya, apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran terhadap perkara-perkara ini?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang keempat, saya mohon maaf kerana ini menghendaki pendapat. Mengikut Peraturan Mesyuarat, tidak boleh dipersoalkan, jadi saya tidak hendak menjawab.

Yang pertama adakah kriteria ini juga ditujukan kepada sekolah-sekolah Tamil? Memang ia ditujukan kecuali kalau kita dapat sesuaikan untuk digunakan di sekolah Tamil kerana ada yang dikatakan tadi, misal kata agama Islam, int kita tidak perlu sesuaikan kepada buku-buku yang dihantar ke sekolah-sekolah Tamil. Mungkin kita ambil nilai-nilai yang baik bagi sekolah-sekolah ataupun agama yang dipercayai oleh orang-orang Tamil.

Yang kedua, sama ada kita sedar atau tidak? Kita memang sedar bahawa bukan hanya di sekolah-sekolah Tamil bukupbuku ini berkurangan namun di sekolah-sekolah lain pun, tetapi semuanya ini ialah buku-buku pilihan sekolah-sekolah tambahan yang perlu untuk pelajar-pelajar untuk membaca. Kita sentiasa berusaha untuk menentukan supaya buku-buku ini mencukupi untuk sekolah-sekolah yang menggunakannya.

Yang ketiga, sama ada sedar atau tidak, saya mohon penjelasan tentang sedar atau tidak

Tuan D. P. Vijandran: Kekurangan guru-guru.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Ya, kita sedar. Sememangnya soalan ini telah selalu ditanya dan telah dijawab bahawa kita sentiasa berusaha untuk menentukan supaya guru-guru di sekolah Tamil ini mencukupi. Yang akhir sekali, tindakan yang diambil saya rasa telah saya jelaskan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, sekali imbas, sistem KBSR ini pada asalnya di samping tujuan-tujuan lain kita dapati tujuan utamanya ialah mengurangkan beban buku yang berat di atas bahu kanak-kanak darjah satu. Tetapi tahun demi tahun, pada tahun ini umpamanya, menjelang tahun 1986, buku-buku KBSR ini telah bertambah-tambah berat lagi. Apa pendapat Yang Berhormat Menteri?

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi soalannya pendapat. Kerana saya katakan tadi, kalau satu-satu mempersoalkan berkehendakkan pendapat, maka itu saya rasa tidak wajar untuk kita jawab. Namun demikian, saya rasa berasaskan kepada pengajian yang telah kita buat atas KBSR yang telah dijalankan, saya rasa apa yang Ahli Yang Berhormat

maksudkan tidaklah begitu tepat, kerana mengikut kajian yang kita buat KBSR telah menampakkan kejayaan yang begitu memuaskan dan walaupun begitu apa yang Yang Berhormat sarankan insya Allah kita akan ambil perhatian.

PELAJAR ORANG ASLI DI UNIYERSITI SAINS MALAYSIA

9. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk ke Universiti Sains Malaysia (USM) mengikut berbagai bidang kursus dan nyatakan jumlah lulus dan gagal.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini terdapat dua orang pelajar Orang Asli sedang menuntut di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, iaitu:

- (1) Encik Ayob bin Bahalus, penuntut tahun empat Fakulti Perubatan. Beliau kini sedang menjalani latihan klinikal di Hospital Besar Kuantan, Pahang;
- (2) Encik Ramli bin Baki, penuntut tahun tiga di bidang Perancang Bandar.

Tua Mohd. Noor bin Bedah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu selain daripada melanjutkan pelajaran di Universiti Sains, Pulau Pinang, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kejayaan "Orang-orang Asli ini dan anak-anak mereka iaitu kejayaan mereka di bidang pelajaran khususnya bagi pelajaran tinggi—sejauh manakah kejayaan mereka itu?

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini memerlukan jawapan yang tepat dan berpandukan kepada jawapan yang asal yang berkehendakkan saya menjawab

tentang kemasukan anak-anak Orang Asli ke Universiti Sains, saya mohon notis untuk menjawab.

BANK ISLAM—PEMBUKAAN CAWANGAN

10. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Kewangan menyatakan adakah rancangan Kerajaan untuk menubuhkan cawangan Bank Islam di negeri-negeri dan daerah-daerah juga untuk memberi kemudahan kepada orang tempatan **turut** serta menyimpan wang-dalam **Bank** Islam.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, **Bank** Islam Malaysia Bhd sememangnya mempunyai rancangan untuk membuka rangkaian cawangan-cawangannya di seluruh negara untuk membolehkan orang ramai berurusan dengannya. Walau bagaimanapun **Bank** Islam mestilah berhati-hati dalam melaksanakan rancangan ini supaya rancangan itu tidak terkeluar daripada lingkungan kemampuan **Bank** Islam ini.

Hakikat ini amat penting bagi memastikan supaya **Bank** Islam terus mencapai daya hidup dan ketahanannya. Kemampuan ini boleh dipandang dari dua segi, pertama, kemampuan dari sudut perbelanjaan dan kedua, dari segi sudut kemampuan menyediakan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman bagi mengendalikan pengurusan dan perjalanan cawangan-cawangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini **Bank** Islam telah dapat membuka rangkaian cawangannya dengan kadar yang agak pesat. Pada masa ini **Bank** Islam telah membuka 10 buah cawangan iaitu 3 buah di Kuala Lumpur dan sebuah masing-masing dalam Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Di dalam tempoh 7, 8 bulan yang akan datang

ini, **Bank** Islam sedang merancang untuk membuka 6 buah lagi cawangan iaitu di bandar Melaka, Kangar, Kuching, Ipoh, Johor Bahru dan Kota Kinabalu. Apabila rancangan membuka 6 buah cawangan ini dilaksanakan, **Bank** Islam akan mempunyai sekurang-kurangnya sebuah cawangan dalam tiap-tiap negeri dalam tempoh kira-kira tiga tahun daripada tarikh pembukaannya.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan iaitu selepas peringkat pembukaan 6 buah cawangan lagi yang saya sebutkan tadi, **Bank** Islam akan terus membuat perancangannya bagi membuka cawangan-cawangan dalam kadar 6 buah cawangan bagi tiap-tiap tahun yang akan ditempatkan di pekan-pekan yang kedua ataupun yang ketiga besarnya di dalam sesebuah negeri dan juga di pusat-pusat perdagangan dan industri dalam semua negeri, khususnya di tempat-tempat yang terdapat ramai penduduk yang beragama Islam.

Tuan Mohd. Yussof bin Haji Md. Nor: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Kewangan prospek konsep **Bank** Islam ini diterima oleh bank-bank lain di negara ini. Adakah konsep yang dijalankan oleh **Bank** Islam ini boleh diterima atau akan diterima oleh bank-bank lain di negara ini pada masa hadapan?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, agak sukar saya hendak jawab sebab soal diterima atau tidak konsep **Bank** Islam ini oleh bank-bank lain tidak timbul sebab **Bank** Islam telah diluluskan oleh Parlimen dan dibolehkan menjalankan operasinya di negara ini. Barangkali yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sama ada bank-bank lain ini akan menukar caranya seperti cara **Bank** Islam, saya tidak tahu sama ada itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat yang bertanya tadi.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya di setengah-setengah negara seperti di Pakistan misalnya telah ada cara di mana bank yang dahulunya menjalankan perniagaan cara konsep bank Barat itu telah membuka kaunter-kaunter yang menjalankan perniagaan mengikut konsep Bank Islam, sama ada perkara ini akan dijalankan di negara kita.

Dato Sabbaruddin Cik: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi bank-bank perdagangan yang lain menjalankan secara Bank Islam.

IKLAN MENJUAL GADIS MALAYSIA KE AUSTRALIA

11. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar terdapat iklan-iklan untuk menjual gadis-gadis Malaysia ke Australia tiap-tiap bulan dan jika ya, berapakah bilangan gadis-gadis yang menjadi mangsa iklan ini dan bilangan mengikut kaum yang telah berumahtangga dengan aman damai.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kenyataan yang mengatakan terdapat iklan-iklan untuk menjual gadis-gadis Malaysia ke Australia tiap-tiap bulan memandangkan bahawa ianya mencabuli hak-hak asasi kemanusiaan dan juga salah dari segi undang-undang negara Australia itu sendiri.

Iklan-iklan yang tersiar di akhbar-akhbar ataupun majalah di Australia dari semasa ke semasa boleh dibahagikan kepada beberapa kategori:

- (i) Iklan yang mempelawa gadis-gadis Asia Tenggara untuk menjadi teman hidup orang-orang Australia.

- (ii) Iklan-iklan yang menjanjikan kerja yang mudah dan wang yang lumayan di Australia.
- (iii) Iklan yang mengatakan terdapatnya gadis-gadis Asia Tenggara yang ingin berkahwin dengan lelaki Australia.
- (iv) Iklan dari tempat-tempat maksiat yang memerlukan khidmat gadis-gadis Asia.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dipercayai bahawa kebanyakan daripada agensi-agensi perkahwinan di Australia dijalankan oleh orang-orang Asia Tenggara yang tinggal di Australia. Pejabat Perwakilan kita di Australia tidak mempunyai maklumat mengenai penglibatan rakyat Malaysia di dalam perkara ini. Besar kemungkinan beberapa perkahwinan telah berlaku hasil dari iklan-iklan ini. Walau bagaimanapun, terdapat jua laporan yang mengatakan bahawa di antara gadis-gadis Asia Tenggara ini menjadi mangsa orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan ada juga yang diseksa. Contohnya, baru-baru ini 2 orang gadis Filipina telah dipukul dan dipaksa untuk menjadi pelacur, seperti yang tersiar di akhbar Australia itu sendiri.

Mengenai soalan berapakah bilangan gadis Malaysia yang telah berumahtangga dengan aman damai di Australia, kita tidak dapat pastikan jumlah yang telah berkahwin dengan rakyat Australia, berikutan dengan iklan yang mempelawa gadis-gadis Asia Tenggara untuk menjadi teman hidup. Ini adalah kerana tidak ada seorang pun yang berkahwin dengan orang Australia dan akan menetap di Australia telah melaporkan perkahwinan mereka itu kepada Suruhanjaya Tinggi kita, sebaliknya mereka ini diperlukan melaporkan perkahwinan mereka kepada pihak berkuasa Australia untuk membolehkan mereka menetap di negara itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 12, tetapi ada sedikit pembetulan bahagian (c) "apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengelakkan wang keuntungan", bukan "menggalakkan".

CUKAI IMPORT KE ATAS JENTERA BINAAN

12. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah cukai import yang dikenakan ke atas alat-alat jentera binaan baru dan terpakai apabila seseorang kontraktor asing membawa masuk alat-alat tersebut untuk tempoh waktu melaksanakan sesuatu projek di sini;
- (b) apakah alat-alat jentera berat ini dibawa keluar semula setelah tamat sesuatu projek itu; dan
- (c) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengelakkan wang keuntungan dari sesuatu projek yang dikendalikan oleh kontraktor asing dari mengalir keluar.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, soalan (a) dan (b) saya rangkumkan. Kadar duti import ke atas alat-alat jentera untuk binaan adalah berlainan dan ini bergantung kepada jenis jentera-jentera berkenaan. Sekiranya jentera-jentera ini dibawa masuk oleh seseorang kontraktor asing bagi maksud melaksanakan sesuatu projek swasta, duti import penuh kenalah dibayar ke atas jentera-jentera tersebut. Jentera-jentera ini tidak perlu dieksport semula selepas projek itu siap dibina, tetapi jika alat jentera tersebut dibawa masuk untuk melaksanakan sesuatu projek yang dibiayai sepenuhnya oleh

Kerajaan, duti ke atasnya tidak perlu dibayar. Dalam hal ini, jentera tersebut dibenarkan diimport secara sementara untuk jangka masa pelaksanaan projek itu sahaja. Ertinya, sesudah siap projek berkenaan, jentera-jentera tersebut hendaklah dieksportkan semula.

(c) Kawalan pertukaran wang kita sekarang ini adalah liberal dan tidak ada apa-apa halangan dikenakan terhadap pengaliran keluar wang dari negara ini. Wang boleh dibawa keluar dengan mengisi satu borang statistik untuk tiap-tiap satu kiriman yang melebihi \$10,000. Pandangan yang liberal ini telah membawa faedah kepada kita dalam menggalakkan pelaburan asing di negara kita ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri Kewangan sedar dengan adanya pengecualian barang-barang mesin-mesin yang diberi pengecualian cukai itu, ini boleh membuatkan kontraktor asing membuat tawaran yang lebih murah daripada kontraktor tempatan?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar, maka itulah kita memberi satu, dengan izin, "allowance" apabila kontraktor-kontraktor asing ini bersama-sama membuat sebutharga ataupun tender di dalam satu-satu projek. Itu pertama.

Yang kedua, kita sedar juga perkara ini dan oleh itu kita tidak mengeluarkan semua tender-tender itu kepada kontraktor-kontraktor asing, tetapi sebahagian daripada kontrak-kontrak yang kita buat hanya dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor tempatan sahaja.

LESEN KEPADA AGENSI KESELAMATAN

13. Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan dasar Kerajaan mengenai

pemberian lesen kepada agensi-agensi keselamatan yang semakin bertambah di negara kita.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Akta 27 iaitu Akta Agensi Persendirian 1971 diwujudkan bagi tujuan mengawal badan-badan atau agensi-agensi persendirian yang menjalankan urusan-urusan kawalan keselamatan atau penyiasat persendirian supaya kegiatan-kegiatan mereka tidak digunakan bagi maksud yang memudaratkan keamanan, kebajikan dan ketenteraman dalam negeri.

Bagi memelihara tiga tujuan besar tersebut, semua permohonan untuk menjalankan perniagaan kawalan keselamatan atau penyiasat persendirian diteliti dengan sehalus-halusnya supaya perniagaan-perniagaan yang dijalankan tidak bercanggah dengan hasrat Kerajaan.

Lesen-lesen dikeluarkan hanya kepada pemohon-pemohon berdasarkan kepada beberapa ciri penting, termasuk latarbelakang pemohon, pekongsi-pekongsi atau pemegang-pemegang syer serta punca kewangan, kemahiran dan kemampuan yang terdapat dari sesuatu pemohon.

Setain dari itu ekuiti syarikat yang memohon sebenar-benarnya hendaklah melambangkan Dasar Ekonomi Baru di samping mengambil kira kawasan dan tempat di mana permohonan itu dibuat dan kawasan operasinya supaya persaingan yang tidak sihat tidak berlaku.

Di sini jelaslah asas-asas permohonan dipertimbangkan adalah mengikut kepentingan Dasar Ekonomi Baru, keamanan, kebajikan dan ketenteraman negara.

kilangan lesen baru yang dikeluarkan bagi tiap-tiap tahun tidak bertambah dengan banyaknya. Ianya seimbang dengan perkembangan

ekonomi negara. Contohnya bilangan lesen yang dikeluarkan iaitu bagi pembaharuan dan lesen baru bagi tiga tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

Tahun	(a)	
	Kawalan Keselamatan	Penyiasat Persendirian Penyelaras Insurans
1982	72	48
1983	96	62
1984	105	68

Dari angka ini jelaslah bahawa Kerajaan berhati-hati sebelum menimbangkan sesuatu permohonan. Mana-mana syarikat yang didapati melanggar syarat-syarat lesen yang ditetapkan akan diberi amaran dan sekiranya amaran tidak diendahkan, lesennya akan digantung atau dibatalkan.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya sedikit berkenaan dengan soal penolakan permohonan lesen agensi ini.

Baru-baru ini ada beberapa permohonan yang datang daripada bekas-bekas perajurit dan permohonan ini telah pun ditolak oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tanpa memberi sebab. Saya sendiri telah berusaha untuk menghubungi pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan mereka enggan sama sekali untuk memberi sebab-sebabnya oleh sebab katanya ini tidak biasa dibuat.

Saya tidak pasti apa sebab perkara-perkara ini berlaku. Misalnya baru-baru ini seorang bekas Panglima Angkatan Tentera kita telah memohon untuk mendapatkan satu lesen agensi tetapi telah ditolak tanpa diberi sebab. Jadi saya ingin tahu apakah sebab-sebabnya pihak berkenaan enggan memberi sebab-sebab permohonan seperti ini ditolak.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar Kementerian tidak memberitahu sebab-sebab apa sesuatu permohonan itu ditolak. Saya percaya ini juga dasar yang dipraktikkan oleh Kementerian-kementerian lain.

Walau bagaimanapun bersangkut-paut dengan kes spesifik yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya mohon Ahli Yang Berhormat mengemukakan permohonan dengan secara bertulis kepada saya agar saya boleh menyasiat permohonan tersebut.

GAJI JURUBAHASA MAHKAMAH

14. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meninggikan bidangkuasa Mahkamah-gaji Jurubahasa-jurubahasa Mahkamah; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meninggikan bidangkuasa Mahkamah-mahkamah Seksyen di dalam kedua-dua perkara Civil dan Jenayah.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (a) Pertimbangan untuk memperbaiki dan menyemak semula struktur gaji Jurubahasa Mahkamah adalah tertakluk kepada semakan gaji oleh Kerajaan bagi Perkhidmatan Awam keseluruhannya. Namun demikian, Kementerian Kehakiman telah meninjau dan menyampaikan pada Jabatan Perkhidmatan Awam cadangan memperbaiki kedudukan Juru-bahasa-jurubahasa Mahkamah.

- (b) Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meninggikan bidangkuasa Civil dan Jenayah di Mahkamah-mahkamah Sesyen. Walau bagaimanapun, perkara in sentiasa dikaji dan jika keadaan memerlukan perkara ini akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 35 adalah diberi di bawah ini)

PELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH-MUTU

15. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan mutu pembelajaran di Sekolah Menengah di negara ini dan sama ada beliau akan mengswastakan sekolah-sekolah tersebut bagi menjaga mutu pelajaran.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Saya berpuashati dengan mutu pelajaran di Sekolah Menengah di negara ini kerana pada keseluruhannya ia adalah baik.

Namun begitu, usaha-usaha akan terus dijalankan untuk mempertingkatkan lagi. Oteh kerana itu Kementerian Pelajaran tiada rancangan untuk mengswastakan Sekolah-sekolah Menengah Kerajaan yang ada sekarang.

PENCEROBOHAN BOT NELAYAN ASING

16. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau bagi mengatasi

pencerobohan bot-bot nelayan dari negara asing yang mengancam keselamatan nelayan-nelayan kita.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Bagi mengatasi masalah pencerobohan oleh bot-bot nelayan asing yang mengancam keselamatan nelayan-nelayan kita, kawalan dan penguatkuasaan di perairan negara kita telah dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu penyelarasan di antara agensi-agensi penguatkuasaan telah diperkemas melalui Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim (PPPM) supaya logistik yang ada dapat digunakan dengan cara yang optima dan berkesan. Di samping itu tindakan juga sedang diambil untuk memperkemas lagi sistem komunikasi di antara bot-bot nelayan dengan pihak-pihak penguatkuasa melalui radio-radio yang dibekalkan kepada nelayan supaya pencerobohan bot-bot asing dapat dibanteras dengan lebih berkesan. Untuk menentukan bahawa kawalan penguatkuasaan adalah berterusan pada setiap masa terutamanya di kawaan-kawasan perairan yang sering dicerobohi bot-bot asing, aktiviti kawalan dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan secara bergilir-gilir,

TUNTUTAN CUEPACS

17. **Dato' G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan langkah yang akan dibuat bagi memenuhi tuntutan pihak CUEPACS.

Datuk Dr James P. Ongkili: Dalam perjumpaan yang telah diadakan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Pihak Pekerja pada 30 Oktober 1985 persetujuan telah dicapai untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama untuk membincangkan tuntutan-tuntutan Pihak Pekerja. Jawatankuasa Bersama ini akan menentukan langkah-langkah yang sesuai yang perlu diambil bagi memenuhi tuntutan Pihak Pekerja.

LAWATAN KE CINA - KELONGGARAN

18. **Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan melonggarkan undang-undang bagi rakyat Malaysia ke Republik China.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan bagi soalan ini adalah sama dengan jawapan saya untuk soalan Yang Berhormat Puan Lim Sean Lean pada 9-12-85.

(Soalan No. 19. Sila lihat Jawapan No. 18 pada 10-12-85)

PINJAMAN PERUMAHAN- KADAR KAEDAH

20. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian Kewangan mempunyai rancangan untuk meninggikan had pinjaman perumahan untuk rumah bernilai kepada \$150,000 di bawah dengan dikenakan faedah 10% setahun.

Dato' Sabbaruddin Chik: Setakat ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk menurunkan kadar faedah bagi pembelian rumah bernilai lebih daripada \$150,000.

Pada kebiasaannya orang-orang yang membeli rumah yang bernilai lebih daripada \$150,000 adalah tergulung dalam kategori orang-orang yang berpendapatan tinggi dan mampu membayar kadar faedah lebih dari 10%.

JAWATANKUASA BIASISWA

21. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Biasiswa untuk pelajar-pelajar di peringkat sekolah bagi menentukan tiap-tiap pemberian biasiswa itu betul-betul kepada pelajar yang memerlukan bantuan itu supaya mengelak daripada

penyelewengan yang akan berlaku dan jika ada cadangan bilakah hendak dilaksanakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Jawatankuasa Biasiswa di peringkat sekolah telah pun ditubuhkan sejak tahun 1982. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Pengetua Sekolah sebagai pengerusi dan ahli-ahli terdiri dari Penolong Kanan, Guru Biasiswa dan seorang lagi guru yang dilantik oleh pihak sekolah.

Tujuan Jawatankuasa ini ditubuhkan ialah bagi memastikan pencalonan pelajar yang layak menerima biasiswa mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI - GERAKAN BAWAH TANAH

22. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa ada Gerakan Bawah Tanah yang melibatkan pelajar Malaysia di luar negeri dan juga wujudnya golongan pelajar-pelajar yang menyebarkan ideologi yang bertentangan dengan dasar Kerajaan Malaysia, jika benar, apakah tindakan Kementerian dan sejauh mana keberkesanan tindakan itu.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Kerajaan memang sedar terdapatnya pertubuhan-pertubuhan tempatan dan antarabangsa yang cuba memperalatkan dan mempergunakan persatuan-persatuan pelajar Malaysia untuk tujuan-tujuan tertentu. Kerajaan sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengatasi masalah ini. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:

1. meningkatkan peranan Jawatankuasa Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Luar Negeri.

2. mengadakan kursus persediaan bagi tujuan untuk membekalkan pelajar-pelajar dengan pengetahuan mengenai matlamat dan rasional dasar-dasar pembangunan Kerajaan.
3. mengadakan kursus orientasi dan reorientasi dengan tujuan untuk mendedahkan mereka kepada perkembangan politik, sosial, ekonomi semasa dan dasar-dasar baru Kerajaan, supaya mereka tidak terpengaruh dengan organisasi luar yang mempunyai kepentingan terhadap Malaysia.
4. mempertingkatkan perkhidmatan penerangan di perwakilan-perwakilan di seberang laut seperti pengiriman suratkhbar untuk pelajar, buku-buku panduan dan bahan-bahan penerangan supaya mereka dapat maklumat yang jelas berhubung dengan perkembangan di tanahair.
5. meningkatkan lagi prestasi dan peranan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negeri dengan memperkemaskinikan pentadbirannya ke arah menjaga kebajikan hal-ehwal pelajar, dan
6. mengadakan majlis-majlis dialog antara pelajar dengan pegawai-pegawai Kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin yang melawat ke luar negeri.

KEMISKINAN PENDUDUK LUAR BANDAR

23. **Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan hasil pertanian negara sebagai mengatasi kemiskinan kepada penduduk-penduduk di luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sila beri perbandingan angka-angka bagi RME4 dengan RML5.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kementerian Pertanian sentiasa berusaha untuk membantu mengurangkan masalah kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar. Oleh itu selaras dengan Dasar Pertanian Negara, Kementerian telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan hasil pertanian negara di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML).

Di antara strategi-strategi utama yang digubal dan diberi penekanan utama dalam tempoh RML bagi mencapai hasrat ini ialah Pembangunan in-situ, perikanan dan ternakan. Program pembangunan kawasan Pertanian Bersepadu (IADP) yang memberi penekanan kepada pembangunan in-situ akan dipusatkan lagi. Ini kerana program seumpama ini telah berjaya meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan petani-petani. Pembangunan tanah terbiar di seluruh negara akan dirancang secara lebih komprehensif dengan mengenalpasti kawasan-kawasan padi yang bermasalah di luar kawasan jelapang padi untuk ditukar kepada lain-lain tanaman seperti tanaman kelapa sawit, koko dan lain-lain tanaman yang lebih menguntungkan dan ekonomik. Di sektor tanaman, langkah-langkah untuk menambahkan pendapatan serta mutu dan daya pengeluaran dari ladang akan dilaksanakan melalui penggunaan sumber-sumber negara dengan cekap dan penggunaan teknologi moden dengan memberi tumpuan kepada kegiatan pertanian secara komersial atau perdagangan. Bagi sektor perikanan, pembangunan ternakan serta industri perikanan laut akan diberi keutamaan di mana penglibatan pihak swasta digalakkan. Program-program penempatan semula nelayan akan diperluaskan lagi di mana di dalam program ini nelayan-nelayan lebihan dari pengairan pantai akan digalakkan berpindah ke sektor-sektor lain seperti pertanian, perladangan dan

perniagaan yang lebih pesat berkembang. Di sektor ternakan pula, langkah-langkah menggalakkan penternak-penternak untuk membesarkan dan menambahkan lagi unit-unit pengeluaran yang bercorak komersial sedang dipergiatkan menerusi kegiatan mengintergrasikan ternakan dengan kegiatan-kegiatan pertanian yang lain. Di samping itu pengurus ladang-ladang ternakan secara sistem feedlot dengan menggunakan hampas isi rong kelapa sawit sedang digalakkan supaya dapat membantu pengeluaran daging bermutu.

Bagi menjamin usaha-usaha meningkatkan hasil pertanian di sektor ini, pengurusan pertubuhan peladangan dan penyertaan sektor swasta serta program-program khidmat sokongan yang meliputi bidang penyelidikan, pengembangan, kredit, pemasaran dan galakan fizikal sedang dan akan diperkukuhkan dan dipergiatkan lagi sejajar dengan matlamat Dasar Pertanian Negara. Di samping itu, dalam tempoh RML juga, usaha-usaha yang gigih akan dijalankan bagi membentuk satu golongan petani moden daripada generasi muda yang bertaraf komersial dan sepenuh masa. Untuk maksud ini, langkah-langkah konkrit sedang dirancang sebagai membentuk satu rangka kurikulum yang dinamis dan membina kepada peserta-peserta kursus di pusat-pusat pertanian yang bakal menjadi usahawan-usahawan dibidang pertanian.

Berhubung dengan perbandingan angka-angka bagi RME dan RML, suka saya memaklumkan Yang Berhormat bahawa buat masa ini, tidaklah mungkin perbandingan peruntukan RME dan RML dapat dibuat memandangkan cadangan belanjawan Kementerian masih lagi dalam proses penyemakan oleh Agensi-agensi Pusat.

PETRONAS-STESEN MINYAK

24. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah stesen minyak PETRONAS yang ujud di Malaysia, mengikut negeri-negeri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Sehingga 1 Disember, 1985 PETRONAS mempunyai sejumlah 139 buah stesen servis di seluruh negara. Syarikat tersebut juga mempunyai 15 buah stesen tanki skid yang hanya memasarkan minyak diesel dan minyak tanah.

Pecahan bilangan stesen-stesen servis tersebut mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Stesyen Servis</i>
Johor..	17
Kedah	14
Kelantan ..	9
Melaka	9
Negeri Sembilan ..	13
Pahang..	9
Perak..	10
Perlis..	6
Pulau Pinang..	10
Sabah..	3
Sarawak..	4
Selangor..	21
Terengganu..	6
Wilayah Persekutuan ..	
Jumlah ..	139

GAS ASLI - PASARAN

25. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pasaran gas dari Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan dari negara-negara luar.

Datuk Dr James P. Ongkili: Malaysia kini mengekspor gas asli dalam bentuk gas asli cecair (LNG) dan gas petroleum cecair (LPG). Kita tidak mempunyai sebarang masalah dalam

memasarkan LNG oleh kerana kesemua bahan tersebut yang dikeluarkan di Bintulu dieksport oleh syarikat Malaysia LNG Sdn Bhd kepada pembeli-pembelinya di Jepun iaitu Syarikat Tokyo Elektrik dan Syarikat Tokyo Gas.

Pada ketika ini, permintaan dari luar negeri bagi bahan LNG kita adalah sangat baik. PETRONAS Gas Sdn Bhd (PGSB) sekarang telah pun memperolehi kontrak-kontrak untuk membekal LPG kepada lima buah syarikat Jepun dan sebuah syarikat Korea. Jumlah LPG yang akan dibekalkan kepada syarikat-syarikat tersebut setiap tahun ialah 196,000 metrik tan. Beberapa buah syarikat dari negara Taiwan, Filipina, Thailand dan India juga telah menunjukkan minat untuk mendapatkan bekalan LPG mereka dari PGSB sekiranya PGSB mempunyai bekalan LPG yang berlebihan.

BUIH TIMAH - PASARAN

26. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah dan sikap Malaysia sebagai Ahli Majlis Timah Antarabangsa (ITC) dalam menghadapi masalah pasaran bijih timah yang semakin buruk sekarang. Bagaimanakah Kerajaan sendiri menghadapi kesan tindakan yang dilakukan oleh Pasaran Timah London baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perniagaan timah di London Metal Exchange (LME) telah digantung pada 24hb Oktober, 1985 dengan diikuti oleh penggantungan Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) pada 25hb Oktober, 1985. Pergantungan kedua-dua pasaran timah hingga hari ini adalah akibat daripada ketidakupayaan pihak Majlis Timah Antarabangsa (ITC) untuk meneruskan aktiviti operasi stok

penimbal. Walaupun kedua-dua pasara rasmi bagi timah ini telah menggantungkan perniagaan mereka, urusniaga timah masih berterusan di antara pembeli-pembeli dan penjual-penjual berdasarkan harga yang dipersetujui secara bersama di antara kedua-dua belah pihak.

Sebagai negara anggota ITC, Malaysia sedang berusaha bersama-sama dengan lain-lain negara anggota untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh perusahaan timah sekarang ini. Buat masa ini satu persidangan khas ITC sedang berlangsung dan persidangan tersebut dijangka akan diteruskan sehingga suatu jalan penyelesaian dapat dicapai. Kita semua sedar bahawa sekiranya pihak ITC tidak dapat menemui penyelesaian yang sewajarnya dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, pasaran timah akan terjejas yang mengakibatkan harga timah jatuh. Dalam hubungan ini, masalah-masalah yang menghinggapi pasaran timah timbul akibat di antara lain kelemahan dolar Amerika, perkembangan dan pengeluaran berlebihan timah oleh negara-negara pengeluar bukan anggota ITA, sumber kewangan mengurus stok penimbal ITC yang terhad dan spekulasi yang telah berlaku selama ini di mana saya difahamkan telah berlaku secara besar-besaran sebelum LME menggantungkan perniagaannya pada 24hb Oktober, 1985.

Di dalam keadaan yang sedemikian rupa perusahaan timah Malaysia hendaklah bersiap sedia untuk menghadapi apa jua kemungkinan. Bagi maksud ini suatu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian telah pun ditubuhkan untuk menimbang dan memperakukan langkah-langkah luar jangka yang boleh diambil bagi membantu perusahaan timah menghadapi masalah pasaran sekarang ini. Di

antara langkah-langkah yang telah dipertimbangkan ialah mendapatkan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melanjutkan tempoh pajakan lombong, menggalakkan aktiviti pertanian di atas tanah-tanah perlombongan khususnya berhubung dengan tanaman-tanaman kontan, memesatkan aktiviti pembinaan terutamanya pembinaan rumah kos rendah dan pembinaan lebuh raya bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada para pekerja lombong yang diberhentikan kerja akibat penutupan lombong. Dalam menghadapi masalah negara ini, kerjasama yang erat di antara kedua-dua Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri sangatlah diperlukan.

HICOM - MOTOSIKAL BUATAN MALAYSIA

27. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dengan jayanya perusahaan kereta Malaysia Proton Saga mengapa perusahaan berat Tanah Melayu atau HICOM tidak mengeluarkan motosikal-motosikal buatan Malaysia yang mana bilangan pembeli di seluruh negara adalah lebih banyak daripada pembeli kereta Proton Saga.

Datuk Dr James P. Ongkili: Saya ucapkan terima kasih di atas syor Ahli Yang Berhormat supaya HICOM juga mengeluarkan motosikal buatan Malaysia. Bagaimanapun, HICOM telah pun mempunyai prioritiya dalam penglibatannya dalam industri berat ini. Sebenarnya dalam bidang motosikal, strategi yang dipersetujui oleh Kerajaan ialah untuk meningkatkan penggunaan komponen tempatan tanpa menghadkan pilihan pembeli daripada jenis-jenis motosikal yang terkenal.

Berpandu kepada strategi tersebut, HICOM telah pun menubuhkan syarikat-syarikat usahasama dengan

Tetuan-tetuan Honda, Yamaha dan Suzuki dari negara Jepun untuk mengeluarkan enjin motosikal 110 c.c ke bawah. Pengeluaran enjin-enjin tersebut bertujuan menampung permintaan dari syarikat-syarikat pemasang motosikal yang sedia ada di negara ini. Enjin-enjin ini juga boleh digunakan untuk tujuan-tujuan lain seperti "outboard motors", "lawn mowers" dan sebagainya.

HARGA KELAPA SAWIT

28. **Dato' Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga kelapa sawit sangat-sangat mendukacitakan dan nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk memulihkan keadaan ini.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob: Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar yang dijadualkan untuk dijawab pada 20hb Disember, 1985. Ini adalah memandangkan kedua-dua soalan ini adalah serupa dari segi perkara yang ditanyakan.

Kementerian Perusahaan Utama sememangnya sedar atas kejatuhan ketara harga minyak kelapa sawit yang dialami semenjak bulan Ogos lalu bilamana paras harga bahan ini mulai jatuh ke paras kurang dari \$1,000 se tan metrik. Sejak dari itu, harga bahan ini terus merosot hingga ke paras terendah di sekitar \$630 se tan metrik dalam minggu kedua bulan Oktober lalu, sebelum beransur-ansur pulih melebihi \$700 se tan metrik mulai 21 November yang lalu. Pada masa ini harga bahan tersebut beranda di paras \$730-\$740 se tan metrik. Pemulihan ini adalah disebabkan menjelangnya musim hujan dan kemungkinan banjir serta kedatangan musim pengeluaran yang berkurangan mulai bulan Disember tahun ini hingga bulan April tahun hadapan.

Suka saya jelaskan bahawa turunkan harga minyak kelapa sawit adalah lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor asing di luar kawalan negara memandangkan bahan ini hanya merupakan satu daripada 16 jenis minyak dan lemak utama yang bersaing sengit di antara satu sama lain di dalam kompleks pasaran minyak dan lemak dunia. Walaupun begitu, beberapa langkah dalam lingkungan kemampuan Kerajaan dan perusahaan kelapa sawit sedang diambil untuk menghadapi kesan-kesan masalah harga dan pasaran yang menurun ini, seperti berikut:

- (i) menahan stok minyak kelapa sawit daripada dilepaskan berleluasa di pasaran yang berlebihan pada masa ini untuk disimpan dan dilepaskan secara beransur-ansur apabila keadaan pasaran bertambah baik. Di dalam hubungan ini keadaan pasaran minyak kelapa sawit diramal akan mengalami sedikit pemulihan menjelang musim pengurangan pengeluaran yang lazimnya berlaku di antara bulan Disember hingga April.
- (ii) meningkatkan Lagi kemampuan menyimpan negara untuk membolehkan perusahaan kelapa sawit bertahan lebih lama di dalam keadaan kemelesetan permintaan dan harga.
- (iii) meningkatkan lagi daya persaingan minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran eksport menerusi langkah-langkah mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan lagi produktiviti, menjamin kemandapan bekalan dan mutu serta melancarkan kegiatan-kegiatan pemasaran yang lebih agresif, kreatif, strategik dan berkesan. Penghantaran misi galakan pasaran minyak kelapa

sawit Malaysia ke Republik Korea dan Jepun yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Utama baru-baru ini merupakan usaha terbaharu Kementerian di dalam bidang ini.

- (iv) memperbaiki kemasukan minyak kelapa sawit Malaysia di pasaran-pasaran antarabangsa (access to International markets) menerusi rundingan-rundingan mengurangkan dan menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif ke atas bahan tersebut. Di antara hasil terbaharu yang dicapai ialah persetujuan Republik Korea mengurangkan duti import ke atas minyak kelapa sawit daripada 12% kepada 10% dan duti import ke atas minyak isirong kelapa sawit dari 30% kepada 25% mulai tahun hadapan. Dalam masa yang sama juga, pihak Jepun telah bersetuju untuk menghapuskan sama sekali duti import ke atas minyak kelapa sawit mulai tahun hadapan.
- (v) menambah, meluas dan mempelbagaikan kegunaan minyak kelapa sawit baik dibidang pemakanan mahupun dibidang perusahaan seperti pembuatan Vitamin E, diesel kelapa sawit dan oleo-kimia.
- (vi) melancarkan semula pasaran hadapan minyak kelapa sawit di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLSE). Pelancaran semula ini telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 29hb Oktober, 1985 yang lalu.
- (vii) meninjau peluang-peluang mengadakan lebih banyak lagi perdagangan kaunter yang melibatkan penjualan minyak kelapa sawit.

**MAJLIS PENASIHAT
KEBANGSAAN MENGENAI
INTEGRASI WANITA DALAM
PEMBANGUNAN (NACIWID)**

29. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tugas-tugas NACIWID dan sejauh mana NACIWID berjaya menjalankan peranannya dan tidakkah Kerajaan bercadang mewujudkan Jabatan-jabatan NACIWID di setiap negeri di negara kita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID) yang ditubuhkan pada 16 Julai 1976, adalah sebuah badan penasihat dan perunding kepada Kerajaan, dan di antara Kerajaan dengan pertubuhan-pertubuhan sukarela serta badan-badan bukan Kerajaan (NGO), mengenai segala kegiatan wanita dalam pembangunan.

Majlis ini mengkaji dan meneliti rancangan-rancangan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang melibatkan kepentingan kaum wanita dan seterusnya mengemukakan cadangan serta pendapat kepada Kerajaan untuk membolehkan tindakan-tindakan diambil di peringkat Kementerian/Jabatan bagi memastikan integrasi sepenuhnya kaum wanita dalam rancangan-rancangan pembangunan negara.

Dalam menjalankan peranannya sebagai penasihat kepada Kerajaan dalam kegiatan wanita dalam pembangunan, Majlis ini telah berjaya mengenalpasti bidang-bidang utama (areas of priority) dan isu-isu yang melibatkan kaum wanita dalam pembangunan seperti bidang kesihatan, pelajaran, pendidikan, undang-undang dan kekeluargaan. Majlis ini juga telah mengadakan

berbagai kegiatan bagi mem-pertingkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara. Di antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan termasuk penganjuran kursus, seminar dan simposium mengenai kepimpinan dan keusahawan, serta menjalankan penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian mengenai isu-isu semasa kaum wanita.

Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan Jabatan-jabatan NACIWID di setiap negeri di negara ini kerana NACIWID sebagai sebuah Majlis Penasihat sememangnya bekerjasama rapat dengan pertubuhan-pertubuhan wanita peringkat negeri, di mana pertubuhan-pertubuhan ini akan memberi maklumbalas-maklumbalas mengenai hal ehwal wanita di peringkat "grassroot" untuk makluman dan tindakan Majlis seterusnya.

TOL DI LEBUHRAYA - PUNGUTAN

30. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada benar bahawa pungutan Tol di Lebuhraya menyekat kelancaran lalulintas dan menyulitkan pemandu-pemandu kenderaan. Jika benar adakah Kerajaan bercadang memansuhkan atau mengurangkan bayaran Tol apabila kos pembinaan Labuhraya-lebuhraya yang berkenaan telah dapat dikutip balik sepenuhnya melalui bayaran tol. Jika tidak kenapa.

Menteri Kerjaraya (Dato S. Samy Vellu): Adalah tidak benar bahawa pungutan Tol di Lebuhraya-lebuhraya di negara ini menyekat kelancaran lalulintas dan menyulitkan pemandu-pemandu kenderaan. Ini adalah kerana di Lebuhraya-lebuhraya tersebut telah ada dibina Tol-tol Plaza yang mempunyai lorong-lorong pembayaran Tol yang mencukupi untuk melayan dan memungut Tol

daripada kenderaan-kenderaan yang menggunakan Lebuhraya-lebuhraya itu.

Bilangan Lorong-lorong tersebut telah dirancang dan dibina mengikut volum lalulintas tiap-tiap labuhraya yang dibina, dengan tujuan tidak menyekat kelancaran dan menyulitkan pemandu-pemandii.

SKYHAWK - KEMALANGAN JET PEJUANG

31. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd Said** minta Menteri Pertahanan menyatakan berikutan dengan kemalangan Skyhawk dan sebuah jet pejuang baru-baru ini, apakah tindakan dan langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menjamin kejadian-kejadian seperti itu tidak berulang kembali.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Soalan ini telah pun dijawab dengan panjang lebar secara bertulis untuk menjawab pertanyaan yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohd Din bin Jaafar. Oleh itu saya bagi pihak Menteri Pertahanan tidak bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

PENYAKIT AIDS

32. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sudahkah ada pengidap penyakit AIDS di negara ini dan nyatakan langkah-langkah pengawalan yang diambil, serta nyatakan langkah-langkah pengawalan bagi mengesan penyakit ini di peringkat Kementerian, Negeri dan Daerah-daerah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K.Pathmanaban): Soalan ini baru sahaja dijawab pada 11hb Disember

1985, di mana jawapan saya kepada Yang Berhormat Puan Hasanah bte Mohd. Kassim itu telah pun menyentuh perkara-perkara yang disoal oleh Yang Berhormat.

ANGKATAN BERSENJATA- PEMBESARAN

33. **Tuan Harun bin Hasan** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah kerajaan bercadang membesarkan Angkatan Bersenjata negara serta mendapatkan bekalan ketenteraan yang lebih moden dan sophisticated melihat dari pergolakan Asia Tenggara masih terus dalam keadaan bahaya.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Lim Sean Lean pada 11hb Disember, 1985. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

BEKAS PERAJURIT- PERHATIAN KERAJAAN

34. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah benar bekas-bekas Anggota Keselamatan tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan menyebabkan mereka hidup menderita. Jika benar apakah rancangan menyeluruh Kerajaan bagi mengatasinya.

Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Adalah tidak benar bekas-bekas perajurit tidak mendapat perhatian daripada Kerajaan, Kerajaan dan Kementerian Pertahanan khususnya senantiasa memberi perhatian kepada bakai dan bekas-bekas perajurit supaya mereka

dapat memperoleh sesuatu kemahiran, pengetahuan atau pengalaman untuk menghadapi cabaran hidup selepas menamatkan perkhidmatan tentera mereka. Selaras dengan fahaman ini Kementerian Pertahanan telah melaksanakan Program Pembangunan Bekas Perajurit yang berlandaskan kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan bakal-bakal bekas perajurit untuk menyesuaikan diri dalam penghidupan baru. Dalam konteks ini usaha adalah ditumpukan terhadap kesedaran dan motivasi diri, peningkatan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran serta kemudahan khidmat nasihat dan bimbingan kerjaya. Konsep Pembangunan Bekas Perajurit adalah satu konsep jaya diri dan dengan demikian segala usaha Kementerian Pertahanan adalah bertujuan untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan diri untuk berdikari.

MINI ESTET PADI

35. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah projek mini estet padi telah mencapai matlamatnya.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Setakat ini 9 buah Syarikat-syarikat Swasta dan 4 buah Pertubuhan Peladang telah mengusahakan pengeiuaran padi secara mini estet meliputi kawasan seluas 2,018.6 hektar. Pengusahaan padi secara mini estet ini nampaknya berjalan dengan memuaskan dan Kementerian Pertanian akan berusaha melipatgandakan penglibatan sektor swasta di dalam mengusahakan pengeluaran padi secara mini estet atau komersial ini kerana kaedah ini merupakan pendekatan baru yang berkesan bagi mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi oleh petani-petani kecil.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Disember, 1985)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood menyambung ucapan beliau, saya suka hendak menyatakan iaitu kita hanya ada dua hari untuk membahar Rang Undang-undang Perbekalan 1986 ini.

Oleh kerana masa terlalu singkat dan saya ingin memberi peluang kepada seberapa ramai yang boleh daripada Yang Berhormat Ahli-ahli mengambil bahagian dalam perbahasan ini, saya mintalah kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat meringkaskan ucapan Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood menyambung ucapan beliau. Dipersilakan.

3.36ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan saya semalam seberapa ringkas yang boleh.

Pada hari semalam saya telah menyentuh dalam tajuk B. 44, Kementerian Penerangan.

Saya ingin menyambung sedikit berkenaan dengan baju "T" atau baju-baju yang dipakai oleh pihak belia-belia yang merupakan lambang-lambang negara lain yang mungkin boleh mempengaruhi pemuda-pemuda atau pemudi-pemudi kita supaya

cintakan kepada negara lain. Jadi saya berharap pihak yang berkenaan khususnya Kementerian Penerangan yang disiarkan dalam TV dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya dapat dikurangkan baju-baju yang merupakan lambang-lambang negara luar yang dijual di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya lagu patriotik yang sekarang disiarkan di dalam TV dan diajar di sekolah-sekolah dan juga di majlis-majlis patut diperbanyakkan dalam bahasa-bahasa lain selain daripada Bahasa Malaysia.

Pada hari ini kita tengok lagu-lagu yang berkenaan cuma dimainkan dalam seni kata Bahasa Malaysia-tidak dalam bahasa-bahasa lain, seperti bahasa Tamil dan bahasa Cina. Memandangkan negara kita adalah negara berbilang kaum maka perlulah lagu-lagu yang bersenikatakan berbagai bangsa patut digubah demi kepentingan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi dalam masalah Kementerian Penerangan ini, saya terlebih dahulu mengucapkan berbilang terima kasih kepada Menteri Penerangan dan juga kepada Kerajaan kita kerana mengharamkan iklan-iklan rokok dalam TV. Ini adalah satu usaha Kerajaan untuk mengurangkan rakyat Malaysia ini menghisap rokok. Maka timbullah salah satu perkara yang dimainkan oleh Kerajaan kita iaitu mengharamkan iklan-iklan rokok di dalam TV. Ini merupakan kegiatan Kerajaan khasnya Kementerian Penerangan kerana ianya disiarkan di dalam TV. Sama ada perkara ini akan diikuti oleh rakyat Malaysia atau tidak, ini terpulanglah kepada mereka sendiri.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ini walaupun iklan rokok tidak disiarkan lagi di dalam TV tetapi kita dapati bahawa iklan-iklan

yang ditunjukkan di dalam TV ini terdiri dari iklan rokok Winston, Rothmans, Camel, Salem dan sebagainya seolah-olah mengiklankan rokok walaupun tidak menunjukkan rokok.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Penerangan sendiri ataupun kepada tuan-tuan yang ada dalam Dewan yang mulia ini apabila disebut "Salem" dalam TV ini apakah fikiran yang terlintas di dalam fikiran kita. Adakah kita terlintas berkenaan dengan tempat pelancongan ataupun rokok?

Saya rasa tentu Ahli-ahli Yang Berhormat terlintas dalam kepala mereka iaitu rokok, tulisannya sama, cara persembahannya adalah sama.

Saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Penerangan, adakah pihak Kementerian Penerangan ini tidak tahu ataupun cuma buat tidak tahu ataupun oleh kerana dengan iklan-iklan yang saya sebutkan tadi boleh mendapatkan keuntungan wang yang banyak, maka pihak Kementerian buat diam-diam sahaja kerana duit masuk banyak, walaupun setengah-setengah masyarakat mengatakan pihak RTM telah diperbodohkan dengan iklan-iklan yang saya sebutkan tadi. Jadi oleh yang demikian, saya berharaplah kepada pihak yang berkenaan terutama pihak Kementerian Penerangan supaya mengkaji semula berkenaan dengan iklan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Maksud B. 60 iaitu Kementerian Kebajikan Masyarakat. Baru-baru ini kita ucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang mengadakan Badan Kebajikan, Minggu Kebajikan dan sebagainya. Dalam rancangan-rancangan ataupun aktiviti-aktiviti yang dimainkan oleh Kementerian yang berkenaan dalam minggu dan bulan tersebut adalah memberi sangat

berfaedah kepada rakyat kita khasnya kepada masyarakat yang cacat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tinjau dalam negara kita ini banyak lagi masyarakat-masyarakat ataupun orang-orang yang cacat, yang tidak diketengahkan daripada Kementerian yang berkenaan supaya dihantar kepada Pusat-pusat Pemulihan dan sebagainya. Jadi Pusat-pusat Pemulihan yang dirancangan, yang disediakan oleh pihak Kementerian adalah baik sekali untuk memberi faedah, memberi latihan sama ada latihan vokesyenal, pelajaran dan sebagainya. Tetapi tidak berapa orang sahaja yang dihantar kepada Pusat-pusat Pemulihan itu, kerana ini akan rninggalkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat kita orang-orang Malaysia ini, kerana banyak orang-orang yang kurang mampu, orang-orang yang cacat pendengaran dan sebagainya tidak diberi pemulihan yang sebenarnya. Untuk mengatasi masalah ini saya syorkan kepada pihak Kementerian supaya mengadakan satu undang-undang khas mewajibkan keluarga-keluarga masing-masing supaya menghantarkan orang-orang cacat ini kepada Pusat Pemulihan dan saya berseru juga kepada pihak yang berkenaan terutama sekali pihak swasta supaya memberi sumbangan sama ada sumbangan kewangan, kebendaan ataupun material kepada Pusat Pemulihan ini untuk kita menjayakan rancangan Kerajaan yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit lagi berkenaan dengan B. 20, iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Sekali lagi saya berseru kepada pihak Kementerian Perdagangan supaya memberi taraf perintis yang lebih panjang kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Perlis, Kelantan yang mana negeri-negeri

tersebut adalah kurang maju daripada negeri-negeri lain dalam Malaysia ini. Jadi kalau diberi taraf perintis sama untuk swasta ataupun untuk mendirikan kilang-kilang di negeri tersebut sama dengan negeri-negeri lain seperti Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Penang dan sebagainya, maka sudah tentu pengusaha-pengusaha ini tidak akan pergi ke negeri Perlis atau Kelantan, kerana kemudahan-kemudahan asas kurang daripada negeri-negeri yang maju seperti Setangor, Perak dan sebagainya.

Untuk hendak menggalakkan pengusaha-pengusaha ini pergi ke negeri-negeri yang kurang maju, maka dinaikkanlah taraf perintis daripada 8 ke 10 tahun dan seperti mana yang ada pada hari ini ianya dihadkan ke 5 ataupun 8 tahun sahaja. Dengan cara ini dapatlah kita menggalakkan pelabur-pelabur ke-negeri-negeri yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan juga kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam perkara ini. Saya telah menyatakan di masa yang lepas dan sekarang ini ianya dalam kenyataan iaitu berkenaan dengan minuman keras dalam plastik.

Dahulu telah saya menyatakan dalam Dewan ini dan saya telah bertegang dengan Kementerian yang berkenaan mengatakan minuman keras ini susah hendak dibeli, tetapi saya sendiri batik dan saya beli benda ini dan saya bawa dalam Dewan yang mulia ini, tunjuk kepada Menteri yang berkenaan iaitu minuman keras yang dibubuh dalam plastik yang berharga cukup murah di antara 50-60 sen sahaja. Dan berbagai-bagai jenis minuman keras seperti Gin, V.S.O.P dan saya tidak tahu bermacam-macam jenis. Jadi dengan tidak secara langsung kita menggalakkan murid-murid sekolah kita membeli minuman ini, Walau bagaimanapun pihak Kementerian telah mempertahankan keadaan ini, tetapi saya sebagai orang

yang bertanggungjawab, saya terpaksa menerangkan kepada pihak berkenaan bahawa minuman ini sungguh bahaya. Dengan perbuatan yang baik ini, maka dalam scbulan dua yang lepas ini maka ternyata dalam suratkhbar bahawa penuntut-penuntut sekolah menengah di negeri Pahang telah pun melibatkan diri mereka dengan minuman keras ini yang dijual dengan harga 50 sen dan boleh didapati dengan begitu senang sekali.

Inilah buktinya yang saya sebutkan dalam Dewan pada masa yang lepas, tetapi dipertahankan oleh pihak-pihak yang tertentu. Pada hari ini kenyataan itu telah nyata. Dan saya berseru kepada pihak Menteri yang berkenaan supaya mengawasi perkara ini supaya perkara ini tidak merebak ke negeri-negeri lain dan kita tidak takut perkara ini akan menjadi satu isu sepertimana yang berlaku kepada belia-belia kita dalam masalah dadah.

Saya berseru sekali lagi kepada Menteri berkenaan supaya menghapuskan sama sekali penjualan minuman keras dalam plastik yang berharga 50 sen yang boleh dibeli oleh penuntut-penuntut kita terutama sekali penuntut-penuntut sekolah menengah.

Datuk Dr James P. Ongkili: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, dipersilakan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya memberi kebenaran Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tadi Ahli Yang Berhormat telah mengatakan yang dia telah membawa plastik itu untuk membuktikan, jadi bolehkah Ahli, Yang Berhormat tunjukkan kepada Dewan yang mulia plastik itu?

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya nyatakan bahawa perkara ini telah saya nyatakan pada masa hampir setahun yang lepas dan saya bawa plastik itu dalam Dewan, ini kerana pada ketika itu pihak Kementerian mengatakan minuman dalam plastik kini susah untuk dibeli. Tetapi untuk meyakinkan, untuk membuktikan kenyataan saya, maka saya membeli benda itu dan dibawa dalam Dewan, itu bukan pada hari ini, tetapi pada masa yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri, saya ingin menyatakan di sini iaitu kepada Menteri Dalam Negeri yang sekarang ini sedang berusaha untuk merancang dan tidak berapa lama lagi akan mendirikan sebuah Kompleks Imigeresen di Padang Besar dan Kompleks Imigeresen di Padang Besar itu akan didirikan dengan satu kawasan yang agak sesuai.

Tetapi saya berseru kepada Menteri yang berkenaan supaya berusaha berunding dengan pihak Kementerian Pengangkutan ataupun pihak Keretapi Tanah Melayu (KTM) supaya stesen keretapi sekarang ini didirikan dengan baru, berhampiran dengan Kompleks Imigeresen ini kerana kalau didirikan berjauhan ataupun berasingan dengan Kompleks Imigeresen dengan stesen keretapi, maka penyeludupan tidak dapat kita kawal, sepertimana yang berlaku sekarang. Dan lagi pula stesyen keretapi ini terlalu buruk dan kita rasa oleh kerana kita hendak menggalakkan pelancong-pelancong datang ke negara kita, kita malu dengan stesen keretapi yang ada sekarang ini ada di Padang Besar. Jadi, saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan, terutama sekali Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak KTM supaya berunding, mudah-mudahan stesen keretapi ini dan juga Kompleks Imigeresen ini dapat didirikan berhampiran supaya dapat diselaraskan usaha-usaha ataupun

kerja-kerja dalam menerima pelancong-pelancong daripada luar dan dalam negeri. Ini mesti.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Pelajaran, saya ingin menjelaskan bahawa Maktab Perguruan dan Sekolah Vokasional Pertanian akan didirikan di negeri Perlis. Tanah Maktab Perguruan telah pun disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri iaitu seluas 59 ekar di Bohor, Pulaui, berhampiran dengan Kangar dan juga Sekolah Vokasional Pertanian di bandar Arau telah pun disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Oleh kerana perkara ini bukan untuk kepentingan negeri Perlis sahaja, bukan untuk kepentingan satu kaum sahaja, tetapi adalah untuk kepentingan seluruh rakyat di Malaysia ini dan Kerajaan Perlis telah pun menyediakan tanah dan kita berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya menyegerakan pembinaan Maktab Perguruan dan Sekolah Vokasional Perlis pada Rancangan Malaysia Kelima yang akan bermula pada tahun hadapan ini.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan kepada Menteri Dalam Negeri masalah penyeludupan beras daripada negara jiran kita Thailand melalui laut. Penyeludupan ini berlaku boleh dikatakan tiap-tiap malam melalui laut yang saya tak mahu sebut di mana lautnya, tetapi melalui laut. Walaupun ada kawalan tetapi saya dapati ada sandiwara yang berlaku di tengah-tengah laut. Sebab itulah banyak juga beras-beras yang dapat diseludup masuk ke negeri Perlis. Ini ialah untuk kepentingan petani-petani di Kuala Perlis sendiri yang kebanyakannya terdiri daripada golongan orang-orang Cina dan orang-orang Melayu. Oleh kerana penyeludupan beras ini terlampau banyak datang ke negeri Perlis, maka beras yang diusahakan oleh petani negeri Perlis sendiri tidak dapat dijual dengan sepenuhnya. Saya berharap supaya pihak yang

berkenaan supaya mencari jalan mengurangkan penyeludupan beras daripada negara jiran kita walaupun kita tidak dapat menghapuskan 100% berkenaan dengan penyeludupan itu. Maka ikhtiarkanlah supaya perkara ini dapat dikurangkan dengan seberapa segera yang boleh.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 ini dan saya sudah dengan terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Wong Yau Ket.

3.55 ptg.

Tuan Wong Yau Ket: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan Belanjawan tahun 1986.

Saya sangat tertarik dengan Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Majlis Parlimen ini. Sejumlah \$30,812 juta telah diperuntukkan bagi tahun hadapan. Daripada jumlah ini 71% atau \$21,954 juta ialah untuk perbelanjaan mengurus dan \$8,858 juta ialah untuk perbelanjaan pembangunan. Daripada jumlah bagi perbelanjaan mengurus, \$7,696 juta ialah untuk gaji dan \$5,926 juta ialah untuk bayaran faedah hutang negara.

Perkara bayaran hutanglah yang saya ingin menyentuh terlebih dahulu. Setelah membuat sedikit penyelidikan, saya dapati bahawa pada tahun 1984 negara ini telah berhutang sebanyak \$66.8 ribu juta sebagai hutang negara di luar dan di dalam negara dan bagi tahun 1985 negara ini menjangka berhutang sebanyak \$72,000 juta, satu tambahan sebanyak \$5.2 ribu juta ataupun 9.1% daripada tahun 1984.

Perlu diberi perhatian di sini bahawa daripada jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak \$21.9 ribu juta, \$5.926 ribu juta adalah diuntukkan bagi membayar faedah ke atas hutang negara kita bagi tahun 1986. Ini jumlah sebanyak 27% daripada kira-kira perbelanjaan kita. Ini juga bermakna bagi tiap-tiap ringgit yang dibelanja ke atas perbelanjaan mengurus, 27 sen telah dibelanjakan untuk membayar faedah ke atas hutang negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan jumlah besar hutang negara sebanyak \$72,000 juta, saya berasa gelisah ke atas hal keseluruhannya. Pada diri saya sekiranya saya berhutang dengan jumlah yang besar dengan bank-bank ataupun institusi kewangan yang lain, saya sudah tentu berasa tidak senang dan susah hati. Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian ke atas jumlah besar hutang ini yang negara sedang mengalami. Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana ia adalah perkara yang penting dari segi pandangan negara dan rakyat.

Pada masa ini Kerajaan kita belum lagi merangka apa-apa dasar yang tertentu mengapa negara ini mesti meminjam dan meminjam dengan banyaknya. Hutang negara mempunyai kesan terus-menerus ke atas rakyat kerana apabila sesebuah negara tidak berupaya membayar hutangnya ini untuk misal sahaja, lebih banyak cukai akan dikenakan ke atas rakyatnya untuk mengumpul lebih banyak wang ringgit. Yang demikian, beban ini akan terus-menerus diletakkan ke atas rakyat. Daripada Belanjawan dan dokumen-dokumen yang bersangkutan, adalah ternyata bahawa dalam tahun 1986, negara ini akan meminjam sebanyak \$3015.4 juta bagi program-program pembangunannya. Ini akan selanjutnya menambah kepada angka besar hutang negara kita.

Dalam menghadapi kemelesetan ekonomi oleh negara ini, adalah

diharapkan bahawa Kerajaan bolehlah menimbang semula sama ada kita perlu meminjam jumlah besar daripada dalam dan luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin menyentuh ialah mengenai pembasmian kemiskinan. Adalah dinyatakan bahawa sejumlah \$2,861 juta adalah diuntukkan bagi rancangan ini. Adalah jadi kenyataan umum bahawa sebilangan besar rakyat negara ini hidup di bawah paras kemiskinan terutama rakyat di kawasan luar bandar. Saya tidaklah pula mengetahui keadaan di Semenanjung Malaysia tetapi rakyat yang diam di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sabah adalah sebenarnya hidup dalam keadaan yang teruk. Kebanyakan mereka hidup "from hand to mouth", dengan izin, tetapi tidak terdapat bekalan elektrik atau air paip di kebanyakan kawasan mereka. Mereka terpaksa tinggal di tebing sungai bagi mendapat bekalan air mereka. Apabila berlaku banjir di kawasan masing-masing, rumah kecil dan pondok-pondok mereka akan dihanyutkan oleh air banjir. Kebanyakan daripada mereka berpindah daripada satu tempat ke satu tempat yang lain, bagi bercucuk tanam di atas tanah yang bukan kepunyaan mereka. Saya harap Kerajaan akan mengambil langkah yang lebih untuk membantu mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Apa yang telah dibuat pada masa ini adalah rupanya tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang bila mana kemelesetan ekonomi mencengkam semua orang, industri pelancongan ialah sumber pendapatan yang baik dalam negara ini bagi menarik tukaran asing atau "foreign exchange". Adalah diperhatikan bahawa Malaysia sedang berusaha sedaya-upaya untuk mengenalkan negara ini kepada luar negeri supaya lebih ramai dari luar

negeri akan melawat negara ini. Kita mestilah mempunyai banyak tempat bagi pelawat-pelawat ke negara ini.

Dalam memajukan pelancongan, saya berpendapat bahawa pihak yang berkenaan telah lupa negeri Sabah di mana terdapat beberapa tempat yang menarik yang boleh memikat pelancong-pelancong. Tempat yang nyata sekali ialah Gunung Kinabalu, iaitu gunung yang tertinggi sekali di Tenggara Asia. Saya mencadangkan apabila merancang lawatan bagi pelancong-pelancong daripada negeri lain, silalah masukkan lawatan ke negeri Sabah dalam program lawatan.

Sementara saya membincangkan perkara pelancongan, saya juga ingin menyatakan iaitu mengenai cukai khidmat, "service tax" yang sekarang telah dikurangkan ke 5%, patutlah dihapuskan sama sekali. Sebabnya ialah mereka yang bayar cukai khidmat adalah terdiri daripada mereka yang makan di restoran-restoran dan hotel-hotel. Mereka kebanyakan terdiri daripada pelancong-pelancong yang membayar cukai ini. Sekiranya mereka berada dalam negara ini dan membelanjakan wang, kita sepatutlah lebih bertimbang rasa dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pelajaran. Di dalam Belanjawan tahun hadapan sejumlah \$5,023.4 juta adalah diuntukkan bagi Kepala ini. Daripada jumlah ini \$4,046.8 juta bagi perbelanjaan mengurus dan \$976.5 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan. Ini ialah jumlah yang besar bagi pelajaran. Adalah diharapkan bahawa jumlah yang dibelanjakan ke atas pelajaran anak-anak kita adalah dibelanjakan dengan sempurna. Dalam hal mereka ini, saya ingin membangkitkan tiga perkara.

Pertama ialah berkaitan dengan guru-guru UTS di Sabah. Masalah ini telah bertarutan beberapa waktu tanpa penyelesaian. Saya masih ingat Yang

Berhormat Menteri Pelajaran yang sekarang yang telah melawat Sabah dalam bulan Mac tahun ini, ada menyatakan bahawa beliau ialah Menteri Pelajaran yang terakhir sekali yang guru-guru ini patut berjumpa untuk menyelesaikan masalah ini. Guru-guru UTS ini adalah berkhidmat dalam keadaan yang sama seperti guru-guru lain dan mereka patutlah dilayan dalam cara yang mana seperti guru-guru Kerajaan yang lain. Yang demikian, saya merayu kepada Kementerian Pelajaran supaya silalah menyelesaikan perkara ini jika belum diselesaikan lagi. Jika sudah selesai, ini adalah baik dan saya dengan itu ucapkan terima kasih kepada mereka.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Kerajaan ialah menyeru kepada Kementerian Pelajaran supaya menubuhkan sebuah universiti yang lengkap di Sabah dinamakan universiti Sabah, bagi memberi peluang kepada penuntut-penuntut tempatan. Sabah menyertai Malaysia semenjak tahun 1963 dan sampai sekarang sudah 22 tahun dan masanya sudah tiba bahawa Sabah patut mempunyai sebuah universiti sendiri yang lengkap. Kampus-kampus universiti tempatan yang ada sekarang tidak mencukupi.

Perkara yang ketiga saya ingin menyentuh ialah masalah-masalah guru-guru Cina di sekolah-sekolah rendah Cina. Pelajaran bahasa Cina adalah terjamin di dalam Perlembagaan Malaysia. Masalah sekarang ialah pada masa ini tidak ada maktab guru bahasa Cina di negeri itu. Apabila berlaku dalam mana kebanyakan guru-guru sekolah rendah Cina bersara, tidak ada gantinya. Ini bermakna bahawa sekolah-sekolah Cina ini dengan sendirinya mungkin terpaksa diberhenti. Ini ialah perkara yang serius dan saya harap Kerajaan akan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kebanyakan dari rakan-rakan saya telah membahaskan perkara mengenai kesihatan, akan tetapi oleh kerana ia adalah suatu perkara yang penting, saya fikir tidaklah salah bagi saya menyentuhnya semula. Di dalam Belanjawan tahun hadapan sejumlah \$1,333.62 juta akan dibelanjakan bagi Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah itu sebanyak \$1,174.34 juta ialah untuk Belanja Mengurus dan \$159.27 juta adalah untuk pembangunan. Ada suatu cogan kata yang berbunyi: "Rakyat sihat negara maju". Ia adalah sesuai dalam konteks ini kesihatan adalah perkara yang terpenting sekali dalam kehidupan manusia. Sekiranya seseorang itu tidak sihat dia tidak berupaya menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara.

Di negeri Sabah, keadaan kesihatan tidaklah memuaskan. Seperti di tempat-tempat lain dalam Malaysia, masalah biasa di Sabah ialah kekurangan doktor. Pihak berkuasa negeri pada masa yang lalu telah menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya menghantarkan lebih banyak doktor ke negeri itu tetapi keadaan tidak bertambah baik, terutamanya masalah kesihatan di luar bandar.

Di negeri Sabah, kawasan itu tidak boleh dihampiri dengan jalan raya. Tempat-tempat itu sangatlah terpencil sekali. Kemudahan-kemudahan kesihatan langsung tidak didapati oleh mereka yang tinggal di kawasan ulu, melainkan dengan khidmat helikopter. Pada masa ini Yayasan Sabah mengendalikan perkhidmatan doktor terbang ke tempat-tempat yang terpencil ini.

Saya harap Jabatan Perubatan akan juga dapat menyediakan khidmat-khidmat ini kepada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang terpencil.

Daripada Belanjawan Persekutuan 1986, saya perhatikan bahawa \$1 juta telah diperuntukkan kepada daerah Sipitang dan \$0.6 juta bagi daerah Beaufort dan \$0.3 juta bagi daerah Kudat untuk projek-projek pembangunan, tetapi tidak ada tempat-tempat ulu yang lain mendapat apa wang untuk pembangunan bagi kemudahan perubatan. Ini tidaklah memuaskan sekali. Saya sangatlah menyokong untuk pembaharuan kepada kemudahan-kemudahan perubatan di kawasan ulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyatakan di sini ialah bahawasanya tidak terdapat doktor-doktor pakar yang mencukupi di negeri Sabah. Bagi keseluruhan negeri Sabah tidak terdapat seorang pakar telinga, hidung dan kerongkong atau, dengan izin, ENT Specialist. Pesakit-pesakit terpaksa mendapatkan rawatan perubatan di luar negeri Sabah atau menunggu doktor pakar ini daripada Kuala Lumpur sekali sebulan. Keadaan ini tidak memuaskan. Saya harap Kementerian Kesihatan akan menempatkan seorang doktor pakar ini di negeri Sabah.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini ialah supaya Jabatan Perubatan memindahkan Hospital Sakit Otak yang ada sekarang di Bukit Padang, Kota Kinabalu ke tempat-tempat lain sebabnya ialah hospital itu terletak di tempat itu sejak 20 tahun yang lampau. Dengan kemajuan pembangunan, kawasan itu telah menjadi kawasan kediaman. Sesebuah hospital sakit otak di tengah-tengah kawasan kediaman adalah tidak wajar. Saya berharap Jabatan perubatan akan mengambil tindakan segera di atas perkara Jabatan perubatan akan mengambil tindakan segera di atas perkara ini.

Perkara-perkara yang lain yang saya ingin menyentuh ialah perkara kadar bayaran elektrik di negeri Sabah.

Sungguhpun pantai barat Sabah sekarang boleh menikmati kuasa elektrik hidro, bayaran kadar elektrik masih lagi tinggi, jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain. Bukanlah saya seorang sahaja yang membuat sungutan, malahan ramai orang lagi yang bersungut mengenai kadar bayaran elektrik yang tinggi itu. Saya berharap Kementerian yang berkenaan akan memberikan perhatian sewajarnya kepada rayuan kami dan mengurangkan kadar bayaran elektrik dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai rumah harga murah, saya perhatikan bahawa wang sejumlah \$310.859 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan tahun hadapan. Oleh kerana ramai rakyat di Malaysia adalah miskin, perumahan harga murah ini adalah sesuai bagi mereka.

Kemajuan pembinaan rumah harga murah ini di Sabah sangatlah lambat. Bentuk jenis rumah harga murah ini adalah rumah enam tiang, kami orang panggil rumah enam tiang. Rumah jenis ini adalah senang dibina tetapi tidak banyak dibina. Saya harap Kementerian ini akan membuat lebih banyak ke arah ini.

Jalan raya adalah penting dalam, pembangunan mana-mana tempat. Bagi lebuh raya di Sabah adalah perlu diperbaiki. Lebuh raya dari timur Sandakan ke bahagian barat di Sabah, ke Kota Kinabalu hendaklah disiapkan dengan secepat mungkin. Dengan siapnya lebuh raya ini, banyak pembangunan dapat dijalankan di sepanjang lebuh raya ini. Ini ialah satu cara membasmi kemiskinan dengan mengadakan lebih banyak jalan-jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah wang sebanyak \$510 juta telah diperuntukkaji kepada Kementerian Pengangkutan. Ini adalah jumlah yang agak besar juga yang diberikan kepada Kementerian ini bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Berkenaan dengan Kementeeian ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Terlebih dahulu perkara pertama ialah berkaitan dengan terminal lapangan terbang baru Kota Kinabaiu. Sungguhpun terminal ini telah dibuka hanya beberapa bulan yang lalu sahaja, saya fikir ianya telah ketinggalan zaman atau, dengan izin, out of date. Di terminal ini tidak ada ruang pemandangan bagi orang ramai melihat kapal terbang mendarat atau berangkat. Penumpang-penumpang mesti berada di dalam kantin untuk melihat kapal terbang. Ini bermakna yang mereka mesti sedang makan di dalam kantin sebelum mereka berpeluang melihat kapal terbang itu khasnya untuk kanak-kanak.

Tambahan pula pengedaran udara, dengan izin, ventilation, di dalam kantin itu sangat buruk seolah-olah berada di dalam tempat yang tertutup, tanpa ruang udara keluar dan masuk, dengan izin, the ventilation is very, very bad.

Saya sendiri pernah berada di dalam kantin dan tidak berasa mahu duduk lama di situ oleh kerana di dalam kantin itu we feel very stuffy, dengan izin. Keadaan ini adalah buruk bagi sebuah bangunan lapangan terbang yang baru. Saya harap pihak berkuasa dapat berbuat sesuatu ke atas perkara ini.

Perkara yang lain mengenai lapangan terbang Kota Kinabalu ialah kerja pemeriksaan keselamatan tidak memuaskan. Kementerian berkenaan mengetahui masalah ini dan saya harap tindakan akan diambil supaya membaikinya.

Perkara yang kedua yang saya ingin menyatakan ialah mengenai tidak adanya kemudahan pendaratan waktu malam di lapangan terbang Sandakan. Sandakan adalah pekan yang nombor dua di Negeri Sabah. Saya yakin perkara ini adalah di bawah rancangan Kementerian berkenaan. Adalah

diharapkan kemudahan ini akan diadakan dengan secepat mungkin supaya perjalanan waktu malam bagi rakyat di Sandakan boleh dibuat.

Perkara yang ketiga ingin saya menyentuh di sini ialah mengenai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Baru sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat telah diberikan suatu taklimat mengenai JPJ. Rupanya keadaan di JPJ adalah tidak begitu memuaskan. Kebanyakan bangunan JPJ adalah sangat tua, mungkin dari zaman penjajah. JPJ adalah sebuah jabatan yang pungut hasil cukai yang besar dan belanjanya sedikit sahaja, JPJ adalah dijangka memungut hasil sebanyak \$800 juta pada tahun ini dan perbelanjaan mengurus hanya 5% dari angka ini. JPJ adalah sebuah jabatan yang sebok di dalam perkara pengangkutan jalan raya. Oleh yang demikian adalah wajar sekiranya banyak bagi rancangan pembangunan diberikan kepada JPJ supaya jabatan ini adalah lebih cekap di dalam urusan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu perubahan penting dalam dasar ialah pindaan kepada dasar kewangan. Dalam penggal ini terdapat 4 Rang Undang-undang meminda Akta Syarikat Kewangan, Akta Bank-bank, Akta Bank Negara dan Akta Bank Islam. Semua pindaan ini adalah bertujuan mengetatkan kawalan ke atas institusi-institusi kewangan. Pindaan-pindaan ini melarang perjanjian bagi membeli atau menjual saham lebih daripada 5% dalam syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank, menghadkan pemilikan oleh orang perseorangan kepada 10% dan syarikat-syarikat kepada 20% bagi mana-mana institusi kewangan, menghadkan pemilikan saham sesebuah bank oleh sebuah bank yang lain, menghadkan kuasa yang ada pada pengarah, pengurus dan kakitangan mana-mana institusi kewangan. Pindaan-pindaan ini adalah tepat pada masanya.

Saya patut menyatakan di sini bahawa sekiranya kawalan-kawalan ini telah dikuatkuasakan beberapa tahun yang lalu masalah BMF mungkin tidak berlaku. Satu lagi perubahan dalam dasar kewangan ialah setelah pindaan-pindaan kepada Ordinan Bank Negara dibuat, Bank Negera adalah diberi kuasa mengambil alih mana-mana institusi kewangan dengan mengambil saham di dalamnya. Ini ialah suatu lagi langkah yang besar terhadap pengawalan bank-bank dan syahkat-syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ialah sebuah negara yang mengeluarkan minyak mentah. Adalah dianggarkan dalam tahun 1986 Malaysia akan mengeluarkan lebih kurang 510,000 tong sehari. Sekiranya harganya ialah pada US\$26 satu tong, nilai eksport bagi tahun 1986 adalah lebih kurang lebih dari \$10,000 juta. Ini adalah jumlah yang besar untuk memperkukuhkan simpanan wang negara. Dengan jumlah wang minyak yang banyak mungkin tidak perlu lagi negara ini meminjam wang untuk projek-projek pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1986 adalah sederhana, Saya yakin dengan pengurusan yang bersih, cekap dan amanah yang ada sekarang di dalam Kerajaan, objektif-objektif yang diingini ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan-penjelasan saya di dalam perbahasan Belanjawan 1986 dan dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya.

4.27ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan

tahun 1986 ini. Saya seperti juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ingin mengucapkan dan merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin, Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu Belanjawan negara khusus bagi tahun 1986 ini sebagai Belanjawan saksama, selesa, berani dan memang mencerminkan kedudukan kewangan negara kita pada masa ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Belanjawan 1986 ini merupakan Belanjawan kedua yang dibuat dan dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sejak beliau dilantik ke jawatan tersebut. Sebagai seorang tokoh perniagaan yang mempunyai pengalaman -luas dan mendalam dalam mentadbirkan kewangan, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita sungguh-sungguh mahu melihat dan bekerja keras bagi memulihkan kedudukan ekonomi negara yang masih terjejas oleh kemelesetan ekonomi antarabangsa, dengan berteraskan kepada dua strategi iaitu memperkukuhkan usaha-usaha memperbaiki imbalan pembayaran dan belanjawan negara dengan pengawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan sektor awam. Dan kedua, mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta.

Selaras dengan strategi belanjawan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan sektor awam sejumlah \$30,812 juta telah diperuntukkan bagi belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1986 ini. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$21,974 juta atau kira-kira 71% adalah untuk perbelanjaan mengurus dan bakinya sebanyak \$8,838 juta atau kira-kira 2.9% adalah bagi perbelanjaan pembangunan. Peruntukan belanjawan

bagi tahun bertambah sebanyak \$1,621 juta atau kira-kira 6% dari peruntukan belanjawan bagi tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun depan jumlah hasil biasa Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah \$22,121 juta, ini bermakna Belanjawan ini akan menghadapi defisit sebanyak \$7,441 juta. Saya percaya dengan langkah-langkah perjimatan perbelanjaan tidak mungkin masalah akan timbul bagi menutup kekurangan-kekurangan itu. Walaupun begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya diberi tahu bahawa di bawah Agensi Luar Belanjawan Kerajaan memiliki lebih kurang 9,000 syarikat-syarikat di mana di antaranya tidak mendapat pulangan yang baik malah ada yang rugi. Saya berharap Kerajaan akan membuat kajian dan jika syarikat-syarikat ini tidak dapat pulangan yang baik dan kerugian adalah baik syarikat itu ditutup sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Belanjawan bagi tahun 1986 ini berbagai-bagai kita dengar komen dan ulasan. Tahun lalu bila Belanjawan dikeluarkan ada orang mengatakan itu Belanjawan untuk orang-orang kaya dan tahun ini pula Belanjawan ini dikatakan adalah untuk Belanjawan bagi pilihanraya. Ini memang lumrah alam, Tuan Yang di-Pertua, permainan biasa di antara orang-orang yang mengidam dan ingin kuasa dengan orang yang berkuasa. Kalau satu hari nanti yang ingin berkuasa itu mencapai keinginannya lalu menjadi yang berkuasa bagaimana agaknya Belanjawan yang mereka buat. Dapatkah pihak mereka mencipta Belanjawan yang begitu sempurna hingga tiada siapa pun boleh mengulas, mencemoi dan berbagai-bagai lagi dan diterima oleh semua orang? Sejarah menunjukkan ini jarang sekali berlaku. Apabila golongan-golongan yang ingin berkuasa menjadi berkuasa kian hari tindak tanduk mereka kian mirip dengan golongan-golongan yang

berkuasa sebelum mereka, perkara-perkara itu akan berlaku bukan sahaja setakat Belanjawan tetapi seluruh corak pemerintahan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia ini sebuah negara yang istimewa, sebuah negara yang unik, ada rakan saya semalam bercakap negara ini makmur, tanahnya subur. Kalau biji buah papaya dicampakkan tidak payah ditanam pun hidup dan berbuah. Tetapi yang hendak saya sebutkan ialah bahawa negara kita ini adalah sebuah dan satu-satunya negara di dunia ini yang mempunyai masyarakat majmuk yang terdapat berbagai keturunan, kepercayaan dan budaya, dan orang-orang Melayu telah pun diakui sebagai rakyat pribumi negara ini. Kita seharusnya bersyukur kepada Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang terdahulu dan juga pemimpin-pemimpin yang ada sekarang yang berjaya menyatupadukan masyarakat majmuk itu kepada satu kumpulan besar dahulu iaitu pada permulaannya di bawah organisasi Perikatan dan sekarang ini di bawah Barisan Nasional yang merangkumi dari Perlis, Sarawak dan ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dari perpaduan semua kaum itulah sebenarnya yang menjadi sumber kekuatan dan keupayaan kita membangunkan negara kita ini sehingga dikenali malah dihormati oleh negara-negara lain di dunia ini. Ini adalah kejayaan yang sepatutnya kita semua berbangga di samping itu berusaha bagi mengerat dan merapatkan lagi barisan yang telah ada itu bagi memperkukuhkan lagi kestabilan politik dan ekonomi negara kita ini.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat majmuk, saya ingin menyarankan supaya kita berusaha seboleh-bolehnya untuk mengurangkan bercakap mengenai polarisasi kaum. Sebenarnya polarisasi

kaum itu tidak akan ada kalau kita tidak menonjol dan memperkatakan dari semasa ke semasa. Dalam hubungan ini Kerajaan telah pun menubuhkan Jabatan Perpaduan Negara untuk berusaha bagi menyatupadukan rakyat negara ini dan saya ingin bertanya sejauh manakah jabatan ini telah berusaha dan sejauh manakah hasil yang telah dicapai oleh jabatan ini dengan mengadakan kelas-kelas perpaduan di kampung-kampung baru ataupun dengan mengadakan kerja-kerja gotong royong dan sebagainya, apakah yang telah dapat diusahakan oleh jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya dalam usaha kita untuk melahir dan mewujudkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bertanggungjawab kepada negara ini kita harus banyak bercakap mengenai integrasi nasional dan untuk mencapai matlamat itu kita kenalah mengorbankan sedikit sebanyak kepentingan-kepentingan sendiri. Sumber kejayaan kita sejak dahulu hingga sekarang yang telah menyatukan rakyat negara ini kerana adanya sikap tolarensi dari semua pihak. Toleransi bukan bererti menyerahkan hak kita kepada orang lain tetapi dengan sikap toleransi itu Kerajaan kita dapat melaksanakan program dan dasar-dasar yang dapat memberi manfaat untuk semua golongan rakyat dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai integrasi nasional, kita bersetuju bahawa sekolah memainkan peranan terpenting sekali dan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita ini ditaja dan digubal bertujuan untuk mencapai matlamat tersebut. Kita tidak seharusnya memikirkan akan kehilangan sesuatu kerana pelaksanaan dasar itu tetapi yang penting kita fikirkan supaya kita tidak kehilangan semua. Sebuah negara yang aman dan damai dan rakyatnya hidup dengan harmoni antara satu dengan lain merupakan sumbangan yang besar ertinya kepada Kerajaan untuk

melaksanakan program pembangunan negara kita ini tanpa menghadapi banyak masalah dan rintangan. Oleh itu, saya suka menyarankan supaya kita semua bersedia dan menyokong aktiviti-aktiviti dan juga kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran dari masa ke semasa bagi mencapai matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah merdeka selama lebih 28 tahun dan saya berpendapat sudah sampailah masanya setiap seorang rakyat negara Malaysia yang bertuah ini khususnya kepada mereka yang dianggap sebagai pemimpin tidak kira di mana kita berada akan bercakap sebagai seorang rakyat Malaysia yang sayang dan cintakan negara ini. Sumpah dan ikrar tidak akan membuahkan apa-apa hasil tanpa ikuti dengan perbuatan dan amalan. Konsep atau prinsip negara ini negara kita akan menolong kita ke arah matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bercakap sedikit mengenai bahasa. Bahasa yang saya maksudkan ialah Bahasa Malaysia. Dengan pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan di dapati anak-anak kita yang dilahirkan selepas merdeka telah berjaya menguasai dengan baik Bahasa Malaysia itu. Ini dapat kita buktikan melalui pertandingan-pertandingan syarahan, bahas, kuiz dan lain-lain. Tidak ketinggalan juruhebah-juruhebah Radio dan Televisyen yang bukan dari keturunan Melayu begitu fasih menggunakan bahasa tersebut pada hari ini.

Walaupun demikian, kita masih juga berjumpa, kita masih terdengar dan terdapat lagi ada juga rakyat negara ini yang belum boleh menguasai bahasa kita itu walaupun kita telah 28 tahun merdeka. Kita masih terjumpa lagi ketua-ketua eksekutif di syarikat-syarikat milik Kerajaan umpamanya, apabila diminta memberi taklimat, minta izin untuk memberikan

taklimatnya dalam bahasa Inggeris, kononnya ia tidak dapat menguasai bahasa icita itu dengan baik.

Saya suka bertanya, Tuan Yang di-Pertua, sampai bilakah agaknya keadaan yang saya sebutkan itu akan berterusan. Bahasa adalah Jiwa Bangsa, bahasa dengan sekali gus menunjukkan bangsa. Bahasa Kebangsaan adalah alat komunikasi nasional seluruh negara kita ini yang boleh merapatkan hubungan antara kaum yang tinggal di negara kita ini. Saya berharap ini akan dapat ditingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengalu-alukan anggaran Belanjawan bagi tahun 1986 ini yang menitikberatkan pengawalan wang negara, khususnya perbelanjaan sektor awam dan mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta, izinkan saya mengemukakan beberapa pandangan dan menyentuh beberapa kegiatan Kementerian-kementerian dan Jabatan Kerajaan demi untuk kebaikan kita semua.

Pertama sekali saya ingin menyentuh masalah perumahan. Amat menggalakkan sekali bahawa Kerajaan akan membelanjakan wang sebanyak \$1,400 juta bagi tujuan ini iaitu \$300 juta bagi melaksanakan 41,000 unit di bawah program Perumahan Kos Rendah yang melibatkan 190 projek; \$600 juta lagi bagi Skim Pinjaman Perumahan untuk anggota-anggota Kerajaan dan peruntukan tambahan sebanyak \$500 juta oleh Bank Negara untuk membiayai pembelian rumah-rumah kos rendah oleh sektor awam. Selain dari itu kakitangan Kerajaan Kategori "D" tidak dihadkan umur untuk mendapatkan pinjaman di samping tempoh pembayaran balik dilanjutkan daripada 25 tahun kepada 30 tahun.

Jelas sekali bahawa rancangan perumahan dalam Belanjawan ini lebih ditumpukan kepada rancangan perumahan awam yang dijalankan oleh sektor awam tanpa memberikan tumpuan yang sama rata kepada sektor swasta, kecuali menetapkan 1/3 daripada kuota pinjaman perumahan bernilai kurang \$100,000 dikhaskan bagi rumah-rumah yang berharga \$25,000.

Belanjawan bagi tahun 1986 ini seharusnya lebih berani melibatkan sektor swasta dalam matlamatnya untuk membolehkan semua golongan rakyat yang berpendapatan rendah boleh memiliki rumah sendiri, termasuk menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah oleh sektor swasta dan melibatkan institusi-institusi kewangan turut menawarkan tempoh bayaran balik selama 30 tahun bagi meringankan beban golongan yang berpendapat rendah dan seterusnya mencapai matlamat untuk semua golongan rakyat memiliki rumah sendiri.

Saya berharap dan suka menyarankan supaya Bank Negara mengkaji semula garis panduan pinjaman perumahan yang dikuatkuasakan dan mengadakan peraturan-peraturan yang lebih berani dan dimampui oleh institusi-institusi kewangan supaya matlamat menjadikan rakyat golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri itu tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya berharap supaya Kerajaan membuat kajian bagi mensekukan syarat-syarat penukaran kegunaan tanah, khususnya tanah untuk rancangan perumahan di semua negeri walaupun hak tersebut merupakan hak Kerajaan-kerajaan Negeri kerana dengan syarat dan peraturan-peraturan yang berbeza dari semasa ke semasa menjadikan faktor utama sesuatu rancangan perumahan yang dibuat oleh sektor swasta lambat

dan kelambatan itu akan menaikkan harga-harga rumah yang dibina oleh swasta di mana rakyat golongan berpendapatan rendah tidak mampu membeli rumah-rumah yang dibina oleh sektor swasta tersebut.

Selain daripada itu juga, saya suka mencadangkan supaya satu kordinasi dapat dibuat bagi mempercepatkan penukaran-penukaran syarat tanah, kelulusan-kelulusan, pelan bangunan dan lain-lain lagi supaya dapat disegerakan pembinaan-pembinaan rumah yang dapat dibeli dengan harga yang berpatutan oleh rakyat yang berpendapatan rendah.

Kita pernah mendengar dan kita pernah diberitahu, umpamanya, seorang pemaju perumahan membeli tanah, apabila dikemukakan kepada Kerajaan mengambil masa yang panjang untuk meluluskan penukaran syarat tanah itu, kadang-kadang sampai setahun pun tidak lulus. Selepas lulus, masukkan pula permohonan untuk kelulusan bangunan, pelan bangunan, mengambil masa yang panjang, sedangkan pemaju ini menggunakan wang pinjaman daripada bank yang dikenakan dengan faedah dan ini akan dengan sengaja, secara automatik akan meningkatkan harga-harga rumah yang dibina oleh swasta tersebut. Saya rasa perkara ini telah pun beberapa kali diperkatakan dan tindakan-tindakan yang seperlunya dapat diambil bagi menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua Belanjawan tahun 1986 ini ialah mempergiatkan usaha-usaha bagi menggalakan lagi kegiatan sektor swasta, khususnya di bidang industri pelancongan dan industri pertanian. Galakan yang telah diberi pada masa dahulu hingga sekarang ialah kepada projek-projek hotel yang bertaraf antarabangsa. Saya bersetuju dengan pendapat bahawa pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri

tidak begitu berminat melihat hotel-hotel besar yang didirikan kerana sebahagian besar dari pelancong-pelancong itu datang dari negara-negara maju dan mereka telah lebih dahulu mempunyai hotel yang besar seperti itu di negara mereka. Pelancong-pelancong itu datang ke negara kita ini ialah untuk melihat tempat-tempat yang bersejarah dan menarik. Mungkin ini di antara mereka tidak mengira sangat taraf hotel untuk mereka tinggal semasa berada di negara kita ini. Oleh itu, galakan yang dicadangkan untuk diberikan kepada projek-projek motel, chalet dan hostel sangat-sangat sesuai. Bukan sahaja pojek-projek motel, chalet dan hostel tetapi tempat-tempat perkelahan, taman-taman tempat berihat, taman-taman permainan patut sangat diadakan lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, mari kita tinjau di sekitar Ibukota Kuala Lumpur ini. Kita hanya ada dua tempat berihat atau tempat berkelah di hujung-hujung minggu untuk orang ramai iaitu di Tasik Perdana dan juga Tasik Titiwangsa. Di kedua-dua tempat inilah penduduk-penduduk Bandaraya Kuala Lumpur ini berpusu-pusu datang pada tiap-tiap hari Minggu atau hari Kelepasan Am, berkelah dan berihat membawa anak-anak mereka dan akibatnya kebersihan kawasan itu tidak dapat dikawal dan berbagai-bagai perkara yang tidak dapat kita tentukan mungkin boleh berlaku. Jika kita pergi pula keluar sedikit dari Ibukota ini, kita belum lagi ada tempat-tempat berkelah yang teratur, yang tersusun dengan baik yang boleh kita dedahkan kepada pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri yang boleh kita banggakan. Umpamanya, Taman Rimba Templer atau, dengan izin Templer Park, kawasan itu semak-samun tidak terkawal, air sungai tempat mandi-manda kotor berlumpur dan sebagainya, kedai-kedai yang menjual makanan tidak tersusun, tidak bersih

tetapi oleh kerana tidak ada tempat-tempat lain maka ramailah rakyat pergi ke situ untuk berkelah dan sebagainya, walaupun sebenarnya tidak ada perkara-perkara yang menarik di tempat itu.

Untuk menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong luar negeri melancong ke negara kita ini, sudah sampai masanya Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan membuat tinjauan, kajian di mana kawasan-kawasan yang boleh dimajukan sebagai tempat pelancongan, bukan sahaja untuk pelancong-pelancong luar negeri, tetapi juga untuk pelancong-pelancong dalam negeri. Kita bersetuju lebih ramai pelancong-pelancong dari luar negeri datang ke negeri kita, maka lebih banyak kita mendapat tukaran wang asing. Di samping itu, jika lebih ramai pelancong-pelancong dalam negeri ini keluar negeri, maka akan lebih banyak pengaliran wang keluar. Di samping itu pula akan lebih banyak peluang-peluang, kalau kita bangunkan tempat-tempat pelancongan yang tersusun dengan baik dapat memberikan peluang pekerjaan perniagaan kepada kaum-kaum belia kita untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan di tempat-tempat yang kita majukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak bercakap sedikit mengenai bidang pertanian pula. Peruntukan sebanyak \$1,668 juta atau kira-kira 19% dari keseluruhan peruntukan pembangunan adalah diuntukkan bagi sektor pertanian. Sebagaimana yang kita semua maklum dan bersetuju, bahawa kaum petani negara kita ini merupakan golongan rakyat yang kurang bernasib baik. Apa yang sangat menarik ialah kira-kira \$635 juta dari peruntukan tersebut adalah diperuntukkan bagi pembangunan tanah-tanah baru dan tanah-tanah terbiar. Langkah Kerajaan untuk terus memberikan keutamaan yang lebih kepada pembangunan sektor pertanian

ini sangat-sangat dialu-alukan kerana ianya akan dapat membantu usaha-usaha bagi mengurangkan kemiskinan dan mengadakan bekalan makanan yang cukup untuk negara kita ini.

Usaha-usaha ke arah mengurangkan kemiskinan merupakan satu program yang mendesak sekarang ini. Partiparti Pembangkang, anasir-anasir subversif, anasir-anasir jenayah mengambil kesempatan dan menjadikan base ataupun tapak mereka untuk mempengaruhi rakyat menentang undang-undang dan Kerajaan negara ini seperti tragedi yang berlaku baru-baru ini di Kampung Memali, Baling. Mereka sanggup dengan cara terbuka menentang pasukan keselamatan yang bertujuan untuk menangkap beberapa orang penjenayah yang sangat-sangat dikehendaki oleh Polis yang bersembunyi di kampung itu. Saya mengambil kesempatan di Dewan ini untuk mengucapkan takziah kepada anggota-anggota Polis, balu-balau dan anak-anak mereka yang terkorban dalam kejadian tersebut dan juga mengucapkan tahniah kepada tindakan Polis untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk memaju dan membangunkan sektor pertanian ini hendaklah disegerakan dan kajian-kajian yang menyeluruh hendaklah dibuat termasuklah penggunaan teknologi moden bagi menambah dan meningkatkan hasil pengeluaran petani-petani khususnya yang tinggal di luar bandar. Saya sendiri bersetuju dan mengakui adanya berbagai-bagai masalah yang dihadapi untuk memaju dan meningkatkan pengeluaran petani-petani kita itu. Selain daripada sikap generasi muda hari ini yang tidak berminat untuk bertani, berladang dan sebagainya, tidak juga kurang pentingnya yang harus diperhatikan ialah pegangan-pegangan tanah yang tidak ekonomik (uneconomic

holdings). Umpamanya satu keluarga itu hanya mempunyai 3 ekar tanah sawah, atau 3 ekar tanah getah untuk dikerjakan sedangkan bilangan keluarganya bertambah dari masa ke semasa dan hasil tanah mereka itu tidak bertambah. Maka dengan itu anak-anak mudanya berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan, dan tanah-tanah sawah atau kebun-kebun getah mereka tinggal terbiar tanpa diusahakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya teknologi-teknologi moden bagi industri pertanian hari ini, dan juga kajian-kajian penyelidikan yang telah dibuat umpamanya oleh MARDI dan badan-badan lain dan sebagainya, sudah tibalah masanya untuk dilaksanakan sekarang lebih-lebih lagi peruntukan untuk tujuan tersebut telah pun diadakan dengan jumlah wang yang begitu banyak. Saya ingin menyeru supaya Kementerian Pertanian dan semua pihak yang berkenaan mengadakan program-program yang tersusun dan langkah-langkah yang lebih berkesan untuk memajukan bidang pertanian ini. Saya percaya ianya dengan sekali gus dapat menarik minat anak-anak muda di bidang tersebut dengan lebih berkeyakinan lagi, dan negara ini mempunyai cukup bekalan makanan, malah boleh pula dieksport ke luar negeri bagi menambahkan lagi pendapatan atau hasil negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh Perkara B. 21 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Bercakap tentang mutu sukan negara kita hari ini, kita merasa amat kecewa. KKBS dengan keupayaan dan tenaga yang ada telah cuba memperbaiki mutu sukan negara ini dari masa ke semasa, tetapi tahun 1985 ini telah begitu menurun. Saya ingin mendapat penjelasan apakah sebab-sebabnya keadaan seperti itu berlaku? Sebagai contoh, di bidang sukan

bolasepak, mutu permainan pasukan bolasepak negara kita telah jatuh ke tahap yang sangat mengecewakan,

Kekalahan 4-0 dengan pasukan Singapura dalam pertandingan "Piala Merlion" atau "Merlion Cup", sungguh-sungguh mengejutkan peminat-peminat bolasepak negara kita. Saya menyarankan supaya KKBS dan FAM menjalankan siasatan dan kajian yang mendalam dan terperinci serta mengambil tindakan-tindakan tegas bagi membetulkan keadaan itu supaya kejadian-kejadian yang mencuit hati para penyokong dan peminat bolasepak negara ini tidak akan berulang lagi. Kerana seperti kenyataan yang dibuat oleh Datuk Sulaiman Mohd. Noor, Pengurus Pasukan itu, mereka bukan menjual pemain itu, tetapi sebenarnya mereka telah menjual bangsa dan negaranya. Demikian juga di bidang sukan yang lain seperti hoki, dan badminton. Kalau sebelumnya pasukan hoki negara kita telah mendapat tempat dan tahap kedudukan yang paling baik di dunia, tetapi hari ini telah tidak bertempak lagi. Begitu juga dengan pasukan badminton kita yang timbul tenggelam yang tidak dapat lagi kita banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu harus dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya mutu sukan negara kita kembali semula ke tahap yang memberangsang dan membanggakan negara dan kita semua sebelum ianya lebih teruk lagi sehingga tidak dapat dipulihkan semula.

Selain daripada itu saya juga ingin menyarankan supaya KKBS mengadakan lebih banyak lagi bantuan dan kemudahan sukan di daerah-daerah dan kampung-kampung bukan sahaja untuk mengongkel bakat-bakat baru yang berpotensi di dalam berbagai bidang sukan, tetapi ianya juga dapat mengelakkan anak-anak muda

dari terlibat dalam kumpulan-kumpulan yang kurang sihat, melakukan tindakan-tindakan yang negatif, terutama sekali perangkap penyalahgunaan dadah. Kemudahan-keraudahan sukan di daerah-daerah dan kampung-kampung sangat terbatas sekarang ini. Ada terdapat daerah-daerah yang penduduknya berpuluh ribu orang hanya ada satu atau dua padang bola yang standard, tidak termasuk kemudahan-kemudahan sukan yang mengandungi kemudahan latihan dan tempat tinggal peserta-peserta di tiap-tiap daerah perlu sangat diadakan.

Saya percaya jika ini dapat dibuat dengan berpandukan kepada keutamaan, negara kita akan mendapat lebih ramai lagi ahli-ahli sukan dalam semua bidang untuk diketengahkan pada masa-masa yang akan datang sebagai barisan pelapis kepada yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan seruan dan galakan Kerajaan kepada orang-orang Melayu dan bumiputera supaya mengambil bahagian dalam bidang perniagaan dan perusahaan, supaya bersaing sama dengan kaum bukan bumiputera. Tetapi daripada beberapa kejadian yang berlaku, kaum bumiputera yang baru menceburkan diri dalam bidang tersebut dengan modal yang terbatas, terpaksa bersaing bukan sahaja dengan kaum bukan bumiputera, tetapi dengan badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan yang butan sahaja mempunyai cukup modal tetapi mempunyai berbagai-bagai kemudahan dan sokongan dan akibatnya tentulah mereka yang saya maksudkan, peniaga-peniaga bumiputera itu keciciran. Bila ini berlaku, maka dengan mudah sahaja tanpa penyelidikan atau siasatan, pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa usahawan-usahawan bumiputera yang baru memasuki bidang perniagaan itu tidak berkeupayaan, tidak cukup

pengetahuan dan sebagainya. Tetapi mereka tidak diberi peluang secara yang lebih adil.

Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya badan-badan, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat milik Kerajaan meneroka bidang-bidang yang lain, seperti dalam bidang perkilangan dan pembuatan dan tidak campur atau mengambil bahagian dalam tender-tender bekalan, biarkanlah tender-tender seperti itu diusahakan oleh syarikat-syarikat bumiputera yang kecil-kecil yang baru mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Saya percaya dengan cara begini akan lebih ramai dan banyak syarikat-syarikat bumiputera beroleh kejayaan, lebih-lebih lagi jika badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan yang ada itu mahu pula memberi galakan dan bantuan secara jujur dan ikhlas supaya matlamat pembahagian yang lebih adil dan menyeluruh sumber rezeki dan kekayaan negara terlaksana tanpa menyentuh dan merampas hak orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh B. 51 Kementerian Pengangkutan. Saya kurang pasti dan pagi tadi diberi taklimat dan diberitahu bahawa setakat hari ini Kementerian itu belum lagi mewujudkan Dasar Pengangkutan Negara, seperti Kementerian-kementerian yang lain mempunyai dasar-dasar tertentu, Kementerian Pertanian dengan Dasar Pertaniannya. Kita mendapati jalan raya kita. Kereta-kereta van ini bukan sahaja membawa barang dagangan mereka, tetapi kedapatan juga membawa penumpang-penumpang. Dari riegara kita hari ini. Kita juga dapat melihat bas-bas ekspres dan bas-basa pesiaran yang begitu banyak yang kesemuanya membawa penumpang. Lori-lori treler panjang dan lori-lori yang membawa kontena berlumba-lumba di jalan raya sepanjang masa, demikian juga dengan lori-lori yang membawa balak. Kesibukan itu ditambah lagi dengan kereta-kereta

teksi dan kereta-kereta sewa. Bilangan kereta-kereta persendirian bertambah setiap tahun. Di akhir-akhir ini pula muncul satu trend baru di mana kereta-kereta komersial, iaitu van-van telah mula mengambil tempat di jalan-jalan raya kita. Kereta van ini bukan sahaja membawa barang dagangan mereka, tetapi kedapatan juga membawa penumpang-penumpang. Dari kesibukan dan bilangan berbagai-bagai jenis kenderaan menggunakan jalan raya itu, kita dapati jalan raya tersebut selalu sahaja mengalami kerosakan dan berbagai-bagai lagi serta menambah kemalangan-kemalangan jalan raya dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sudah sampai masanya supaya satu kajian terperinci patut dibuat oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan bagi mengatasat masalah tersebut untuk jangka pendek dan juga bagi jangka panjang. Jika rakyat diberikan kefahaman yang jelas, mereka tidak akan keberatan membayar tol yang dikenakan andainya pembinaan jalan-jalan baru yang telah mula diswastakan itu dapat memberikan laluan yang cepat dan sempurna tanpa banyak sekatan dan sesak di sana-sini, seperti di negara-negara lain yang telah lebih dahulu melaksanakan sistem tersebut.

Saya juga suka menyarankan kepada Kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan supaya memberikan galakan kepada pengguna-pengguna jalan raya itu supaya mereka tidak merasa keberatan bayaran-bayaran tol yang dikenakan terlalu berat kepada mereka dengan mengurangkan umpamanya cukai-cukai jalan dan lain-lain lagi yang difikirkan sesuai.

Saya bersetuju bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan merupakan satu Jabatan yang begi sibu dan merupakan juga satu Jabatan yang ketiga besarnya di negara kita ini yang mendatangkan hasil negara, tetapi kalau kita meninjau, melihat

bangunan-bangunan yang dibuat atau bangunan-bangunan yang sedang mereka gunakan pada hari ini sangat-sangat menyedihkan dan tidak sesuai dan tidak patut pun disebut "pejabat", ada sebahagiannya. Kadangkala kalau kita lihat dalam pejabatnya dengan fail-fail yang bertimbun-timbun yang tidak bersusun di mana tempat-tempat fail itu pun sudah patah, almarinya sudah runtuh dan berbagai-bagai lagi, tidak seimbang dengan pendapatan yang mereka kutip pada tiap-tiap tahun untuk menambahkan hasil negara kita. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya memberikan pertimbangan bagi membolehkan mereka bekerja dengan lebih sempurna, lebih selesa dan keadaan-keadaan demikian itu mereka tidak akan selesa dan tidak akan bekerja dengan baik kerana suasana yang tidak mengizinkan mereka berbuat demikian.

Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian ini berkenaan dengan keretapi kita. Pada tahun yang sudah saya juga bertanya di Dewan ini kenapa penggunaan keretapi dan juga kegelinciran yang berlaku, diberi jawapan bahawa rel-rel itu dan juga kayu-kayu pelapiknya sudah lama dan rosak. Tahun ini juga jawapan yang sama, berbagai-bagai lagi. Dan tarikan kepada penggunaan keretapi juga tidak begitu mendapat sambutan. Hari ini kalau kita dapat peluang pergi melawat Stesen Keretapi Kuala Lumpur umpamanya di tengah-tengah Bandaraya ini, kita juga berasa malu sebagai seorang rakyat Malaysia, tempatnya tidak bersusun, keadaan kotor yang tak dikawal dan berbagai-bagai lagi yang berlaku dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan dengan terang, dengan cantik pukul berapa keretapi berlepas, pukul berapa keretapi sampai, sebagaimana yang ada di lapangan terbang umpamanya. Ini juga boleh tidak menarik minat rakyat kita untuk naik keretapi. Saya

rasa ini semua terpaksa dipertimbangkan, seperti Kerajaan mengadakan satu Dasar Pengangkutan Negara kita yang dapat menyekat dengan banyak dan mengurangkan penggunaan-penggunaan jalan raya yang digunakan oleh lori-lori panjang dan berbagai-bagai lagi. Saya sedar bahawa pada hari ini keretapi belum mempunyai keupayaan untuk mengambil sebahagian daripada pengangkutan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu juga saya ingin bercakap mengenai B. 60 Kementerian Kebajikan Masyarakat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah melancarkan Minggu Kebajikan Negara di semua peringkat, peringkat Daerah, peringkat Negeri dan peringkat Nasional yang telah melancarkan satu pameran yang julung-julung diadakan dengan mempamerkan segala bentuk kegiatan Kementerian yang berkenaan untuk makluman dan tontonan orang ramai. Selama ini banyak orang berpendapat bahawa Kementerian ini hanya memberikan bantuan kepada orang-orang tua, menyimpan orang-orang papa kedana umpamanya, rumah-rumah kebajikan masyarakat. Dengan adanya pameran yang dibuat bersempena dengan Minggu Kebajikan Negara itu dapatlah diketahui bahawa Kementerian ini juga bergiat dalam memberi latihan-latihan kemahiran untuk melahirkan anggota masyarakat yang berpengetahuan dan berkebolehan dalam berbagai bidang yang boleh menampung hidup mereka.

Bercakap mengenai latihan ini, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai kes-kes juvanel (juvenile cases) yang meningkat pada tiap-tiap tahun, terutama, di persekitaran bandar-bandar besar. Dari kajian dan tangkapan yang dibuat, peningkatan ini hampir 100% pada tiap-tiap tahun. Gejala-gejala

buruk yang mengheret budak-budak di bawah umur ini kepada perangai dan akhlak buruk didorong oleh beberapa faktor. Di antaranya, keluarga yang tinggal di bandar-bandar besar terpaksa bekerja keras untuk mencari pendapatan yang boleh menutup perbelanjaannya, sebab itu kebanyakan bapa dan ibu bekerja dan tinggallah anak-anak mereka bersendirian di rumah tanpa kawalan yang sempurna dan juga kasih sayang yang sepatutnya. Dengan dorongan dan keajakan kawan-kawan untuk mendapatkan benda-benda yang menyeronokkan, terutama di peringkat umur kanak-kanak, mereka mula melakukan tindakan-tindakan yang negatif, seperti mencuri dan sebagainya. Mula-mula di sekitar tempat tinggal mereka, kemudian ke kawasan-kawasan lain dan akhirnya tertangkap dan dihukum.

Kerana mereka di bawah umur maka mereka dihantar ke sekolah akhlak atau rumah-rumah untuk membaiki akhlak selama dua tahun atau beberapa tahun mengikut keputusan Mahkamah Kanak-kanak. Selepas menjalani hukuman itu mereka akan balik semula ke kampung tanpa ilmu pengetahuan yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah masyarakat kita sehingga ini tidak dapat menerima sesiapa juga yang telah menerima hukuman mahkamah. Masyarakat dengan spontan mengecap mereka telah dihukum oleh mahkamah sebagai orang jahat, sampah masyarakat dan sebagainya. Masyarakat terus menjauhkan diri dan mereka yang telah dihukum oleh mahkamah dengan sendirinya tersisth dari masyarakat tidak mengira orang dewasa atau kanak-kanak. Masalah yang saya hendak ketengahkan di Dewan ini ialah golongan kanak-kanak atau budak-budak di bawah umur ini rekod mereka telah tercemar; hendak terus bersekolah, sekolah tidak boleh menerima mereka dan lain-lain sebab.

Hendak bekerja sama ada dalam sektor awam atau sektor swasta mereka masih di bawah umur dan ada rekod jenayah. Jadi, apakah yang akan terjadi kepada mereka itu? Bilangan mereka ini sebagaimana yang saya katakan tadi bertambah ramai tiap-tiap tahun. Oleh itu, sudah sampai masanya Kementerian Kebajikan Masyarakat memikirkan sesuatu bagi membawa mereka ke jalan yang sempurna serta menjadikan mereka anggota masyarakat yang berguna serta menjamin masa depan mereka.

Sekiranya dibiarkan dengan cara yang ada sekarang, kemungkinan sebahagian besar daripada mereka akan terjerumus dan masuk perangkap golongan yang tidak sihat ataupun perangkap penagihan dadah dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan ke lorong tersebut memang terbuka luas umpamanya pada masa ini terdapat pusat-pusat hiburan yang diadakan di pusat-pusat membeli belah atau pasaraya terutama di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur ini. Contohnya kalau kita dapat melihat hari ini ialah di Pertama Complex di mana budak-budak di bawah umur ini khususnya budak-budak sekolah begitu ramai membuang masa di situ yang saya tidak dapat tentukan dan mungkin tidak balik ke rumah berhari-hari menyertai golongan-golongan yang tidak sihat. Kita tidak tahu bagaimana pusat-pusat ini dapat diteruskan. Saya berharap supaya tindakan dapat diambil bagi menutup sahaja pusat hiburan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya memikirkan bagi mengadakan rumah-rumah perantaraan atau, dengan izin, "half-way house" untuk menampung kes-kes juvenil atau juvenile cases ini dengan mengadakan latihan-latihan kemahiran di bidang perniagaan dan perusahaan seperti latihan motor mekanik, kimpalan, tukang kayu atau

tukang perabot, pendawaian, membaiki radio atau tv, tukang jahit, penggunting rambut lelaki atau wanita dan sebagainya.

Masalah yang saya sebutkan ini ialah masalah masyarakat. Oleh itu masyarakat harus sama menukul tanggungjawab ini tanpa menyerahkan semata-mata kepada Kerajaan. Saya percaya pihak swasta ataupun para dermawan akan bekerjasama sekiranya pihak Kerajaan boleh memberikan insentif seperti pelepasan cukai bagi bantuan derma yang mereka berikan bagi membiayai rumah-rumah perantaraan yang saya cadangkan itu demi melahirkan kumpulan masyarakat yang berguna dan boleh digunakan untuk sama-sama menyertai pembangunan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi masalah ini merupakan tanggungan atau kewajipan masyarakat seluruhnya termasuklah badan-badan atau pihak-pihak yang berkuasa Kerajaan, umpamanya Kerajaan Tempatan seperti Majlis Perbandaran, Majlis Daerah terutama sekali Kerajaan-kerajaan Negeri yang boleh mengadakan tempat atau tanah untuk mendirikan rumah-rumah perantaraan itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya suka menyentuh berkenaan dengan masalah penyalahgunaan dadah. Kita diberitahu bahawa masalah penyalahgunaan dadah merupakan musuh nombor satu negara kita pada hari ini kerana ia boleh melumpuh dan membunuh serta memusnahkan beratus ribu rakyat, anak-anak muda khususnya di negara kita ini. Saya mengucapkan tahniah kepada penguatkuasa di mana akhir-akhir ini banyak tangkapan dan rampasan-rampasan yang dilakukan bagi pengedar-pengedar dadah. Dengan itu juga, banyak bekalan yang kekurangan kepada penagih-penagih dadah. Kempen anti-dadah di semua

peringkat telah diadakan. Tetapi kadang-kadang kita pun merasa begitu kecewa. Semakin kita cegah, semakin parah; semakin kita kempen, semakin menjadi-jadi. Walaupun tindakan diadakan bekalan masih sampai juga. Inilah satu perkara yang menjadi pertanyaan kepada kita hari ini.

Hari ini kita diberitahu bahawa ada 108,000 lebih penagih-penagih dadah yang dikenal pasti, yang telah ditangkap dan sebagainya. Kita tidak tahu berapa jumlah yang sebenarnya dan Kerajaan terpaksa berbelanja wang yang banyak untuk merawat dan memulih penagih-penagih dadah ini. Saya diberitahu setakat ini lebih kurang \$400 seorang sebulan bagi merawat dan memulihkan penagih-penagih dadah ini. Dalam kempen-kempen anti-dadah yang diadakan saya dapati, satu perkara yang saya rasa kadang-kadang kecewa, Tuan Yang di-Pertua, tidak mendapat sambutan yang begitu baik daripada orang ramai, tidak mendapat sambutan khususnya daripada pihak-pihak swasta umpamanya sedangkan masalah penyalahgunaan dadah ini merupakan musuh nombor satu negara kita hari ini, tetapi sokongan-sokongan seperti ini sangat-sangat tidak menggalakkan.

Pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan yang khusus dalam masalah dadah ini ialah PEMADAM. PEMADAM ditubuhkan di peringkat negeri, peringkat daerah, peringkat kampung berusaha untuk memerangi masalah dadah ini. Tetapi pertubuhan ini pertubuhan bukan Kerajaan di mana peruntukan kewangan tidaklah begitu banyak diberikan bagi mereka mengadakan kegiatan. Jadi, saya berharaplah supaya semua pihak khususnya kepada pihak-pihak swasta tidak sahaja memandangi sepi masalah penyalahgunaan dadah ini atau wabak dadah ini tetapi sama-sama tampil ke depan bersama dengan Kerajaan badan-badan bukan Kerajaan supaya masalah dadah ini dapat kita kurangkan, kalau boleh dapat kita

hapuskan bagi wujudkan satu masyarakat yang baik yang tidak boleh menggoncang atau menggugat keadaan kestabilan negara kita ini pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya dalam negeri Selangor sahaja pada hari ini ada lebih kurang 14,000 orang penagih dadah yang dikenal pasti. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor telah pun mengeluarkan kenyataan bahawa Kerajaan Selangor telah pun bersetuju untuk memberikan 100 ekar tanah kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan satu Pusat Pemulihan Dadah di Dengkil. Ini suatu pemberian yang besar ertinya dalam mengatasi masalah dadah ini. Dan saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya menyegerakan pembinaan pusat rawatan pemulihan ini kerana ini memerlukan sangat-sangat; tanah telah pun diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan mengadakan pusat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ucapan itu dan juga perkara-perkara lain yang telah saya timbulkan di dalam Dewan ini, dalam mengambil bahasan kepada Akta Belanjawan 1986 ini maka sebagai penutupnya saya menyokong Akta Perbekalan 1986 dibacakan kali yang kedua dan seterusnya diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim.

5.19ptg.

Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim: Terima kasih di atas keizinan, Tuan Yang di-Pertua, memberi peluang kepada saya untuk bangun bersama-sama menyokong akan suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi

tahun itu iaitu Akta Perbekalan 1986 yang berjumlah tidak lebih daripada \$13,975,219,090 sebagaimana bagi Maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 9hb Disember, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Perbelanjaan tahun 1986 bak kata pepatah: "Sediakan payung sebelum hujan", yang maksud dan tujuannya pepatah ini bukan untuk orang-orang yang berjalan kaki, pergi balik ke mana-mana, yang menggunakan payung, tetapi maknanya banyak dan luas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, Kerajaan kita mestilah berhati-hati bila membelanjakan wang rakyat, yang diamanahkan kepada Kerajaan dan juga perbelanjaan sesuatu itu biarlah lebih berguna dan banyak faedahnya kepada rakyat jelata dari semua lapisan dan kaum sesuai dengan asas membasmi kemiskinan.

Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kewangan iaitu dalam keadaan ekonomi negara yang meleset ini, Kerajaan kita dapat mengekalkan amalan berjimat sebagai falsafah Belanjawan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah semua maklum bahawa kelemahan kewangan Kerajaan itu adalah berpunca dari kemelesetan dan kemerosotan ekonomi dunia, juga kesan dari perbelanjaan yang berlebihan sebelum langkah berjimat-cermat dilaksanakan. Sudah menjadi lumrah alam, kalau sudah terantuk maka barulah mengaduh, semoga pengurusan kewangan Kerajaan akan menjadi lebih kemas dan sihat dari sekarang dan di masa-masa akan datang dan dapat menyelesaikan masalah-masalah dengan baik, walaupun memakan masa yang agak lama.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan pada teorinya boleh terus mengurangkan peruntukan pembangunan, tetapi di segi amalan ianya juga mempunyai had yang tertentu, yang mana ia tak ia Kerajaan terpaksa mengekalkan peruntukan pembangunan di satu tahap yang berpatutan untuk melaksanakan rancangan-rancangan sosial, ekonomi dan pertahanan yang penting kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana peruntukan Belanjawan sama ada di tahun-tahun yang silam dan yang akan datang, maka Kementerian ini juga terlibat bagi memperuntukkan Belanjawan kepada negeri-negeri yang mana pengagihan Kementerian ini kepada negeri-negeri adalah menurun sekali, sesuai dengan amalan berjimat bak kata: "Biar genting, jangan putus", khususnya peruntukan kepada negeri Terengganu, mungkin peruntukannya seperti tahun-tahun yang lalu, kiranya tidak dikurangkan oleh Kerajaan Pusat. Kalau berpandukan kepada jumlah tahun yang lalu, peruntukan pada negeri Terengganu hanya \$13,000 juta sahaja, lebih kurang, sedangkan penerimaan peruntukan ini kadangkala terlalu lewat diterima. Kita selalu mendengar ada yang mendakwa negeri Terengganu telah menjadi negeri pengeluar minyak, maka tidaklah payah diberi bantuan yang lebih Hakikat seperti ini tidak boleh diterima pakai.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dari hasil Petroleum itu sebanyak manakah yang didapati oleh Terengganu. Dari pendapatan royalti itu sama-sama telah diketahui umum yang mana negeri Terengganu juga ingin kepada pembangunan dan keselesaan hidup untuk rakyatnya, sedangkan Belanjawan untuk projek pembangunan sahaja sudah \$400 juta manakala Belanja Mengurus \$300 juta, maka ini amatlah ketara antara

\$13 juta dengan \$700 juta, dari itu perlulah perhatian dari Kerajaan Pusat kepada negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia yang dilahirkan dari negeri Terengganu, maka pada hemat saya sudah sampai masanya Kerajaan Pusat memikirkan untuk merancang sesuatu yang boleh menjadi sebagai simbol anugerah dari Kerajaan Pusat kepada negeri Terengganu, sebagai lambang abadi tanda dari hasil petroleum yang diterokai dari lautan Terengganu, sekalipun kelak hasil petroleum telah hampir-hampir ketandusan. Tetapi lambang sejarah, yang menceritakan hasil petroleum dari negeri ini akan menjadi kenangan dan irigatan selamalamanya kepada rakyat Terengganu dan jenerasi-jenerasinya yang akan datang, tidaklah hilang dibawa arus seperti angin berlalu setelah pupusnya hasil tersebut, seperti kata pantun:

Buah setol, buah setial
Anak Kenari tercongak-congak,
Kalau tidak dapat serial,
Boleh ke senegeri pun suka sangat.

Saya gunakan bahasa daerah, yang bererti sebahagian hasil daripada petroleum yang diterokai di Terengganu, tetapi dinikmati oleh rakyat dalam negara ini, hanya secebis sahaja pengorbanan dari Kerajaan Pusat. Bukan peruntukan yang dikhaskan kepada royalti Negeri Terengganu, tetapi dari sumbangan Kerajaan Pusat patutlah diadakan sedikit atau sumbangan yang perupakan satu kenangan yang boleh ditengok, dilihat oleh jenerasi-jenerasi yang akan datang.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada Kementerian Pertanian, iaitu B. 19. Saya sangat-sangat mengalu-alukan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang berhasrat untuk meningkatkan pendapatan kaum nelayan, khususnya merancang menguruskan nelayan kita menangkap

ikan di lautan dalam yang menjadi tumpuan di kalangan kaum-kaum nelayan, yang mana dalam ura-ura runding usaha sama menangkap ikan di laut dalam, perlulah Kementerian ini memainkan peranan dengan bijak antara negara jiran supaya peristiwa malangdan pencerobohan dari nelayan asing tidak berlaku dan dapat dikawal dengan teliti, khususnya jaminan dari Kementerian ini agar tidak akan mengambil sebarang langkah untuk mewujudkan perjanjian sebelum ada titik-titik persefahaman yang nyata dari kaum-kaum nelayan tempatan kita, khususnya Persatuan Nelayan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan. Sebarang langkah dalam menjayakan usaha sama perlulah melibatkan penyertaan yang "bersungguh-sungguh dan aktif secara langsung dari nelayan-nelayan tempatan dan Persatuan Nelayan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman menangkap ikan di lautan dalam ada anggapan yang mengatakan nelayan tempatan masih belum ada kecekapan; yang sebenarnya bukan nelayan tempatan tidak ada kecekapan dan pengalaman, tetapi alat kelengkapan untuk persediaan menangkap ikan di lautan dalam masih dalam proses seperti pembinaan bot sekurang-kurangnya memakan masa setahun bagi menyudahkan sebuah bot sedangkan pinjaman SKK iaitu pinjaman untuk kemudahan tangkapan di lautan dalam yang mana dasar perjanjian ini baru dilulus dipertengahan tahun ini, iaitu tahun 1985, manakala dalam masalah prpses pinjaman sahaja memakan masa secepat-cepatnya 6 bulan.

Tuan Yang di-Pertua, sedang nelayan kita berusaha bagi persiapan dan kelengkapan untuk menangkap ikan di lautan dalam maka timbul pula masalah yang kurang menyenangkan dengan pencerobohan nelayan-nelayan asing menangkap ikan di perairan kita. Kementerian ini perlulah memainkan peranan yang lebih

berkesan supaya tidak ketara dan kaum nelayan tempatan tidak menjadi mangsa kepada pencerobohan dari nelayan asing, supaya nelayan tempatan dapat menangkap ikan dengan selamat dan berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menangkap ikan di lautan dalam yang mana nelayan tentulah menggunakan beberapa jenis pukot seperti pukot tunda, pukot kokok, pukot harimau, maka penyesuaian menggunakan alat-alat tersebut di lautan Malaysia, adakah dibuat kajian oleh Kementerian ini kerana kedudukan kebanyakan dasar laut Malaysia adalah rata-rata dan apabila menggunakan pukot-pukot kebanyakan dasarnya rata-rata apabila menggunakan pukot-pukot tersebut kehidupan ikan-ikan akan pupus tidak dapat membiak kerana dikikis dan dikokok oleh pukot-pukot yang tersebut tadi. Mungkin dalam masa 3 hingga 5 tahun akan datang, Malaysia akan menghadapi ketandusan ikan, terpaksa pula nelayan menangkap ikan ke lautan jauh.

Kita tidak boleh mengikut keseluruhannya dari negara-negara jiran seperti Jepun dan Filipina kerana kedudukan dasar laut Filipina dan Jepun beralun-alun, kata bahasa Terengganunya berlekak-lekir ataupun berlekok-lekok sedangkan dasar laut kita rata-rata, maka amatlah ketara antara lekak-lekir dengan yang rata seperti kita menyapu atau membersihkan kawasan yang rata senang disapu, yang lekak-lekir masih ada ketinggalan, manakala di kawasan yang lekak itulah ikan dapat bersembunyi dan membiak, tetapi di tempat rata ke mana perginya ikan, tentulah ia akan masuk ke dalam pukot dan akan kehabisan. Tidakkah ini akan merugikan negara di masa-masa yang akan datang? Dalam pada itu Kementerian ini perlulah mengkaji balik akan rancangan dasar kerjasama atau usaha sama dengan negara jiran

dalam segi menangkap ikan di laut dalam dan berilah masa untuk nelayan tempatan melengkapkan diri bersedia bagi nelayan mengharungi penangkapan ikan di laut dalam dengan bot-bot yang sesuai, sekurang-kurangnya bot yang berat muatannya sehingga 80 tan ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah diingatkan kemasukan beras dari negara jiran dikawal rapi dan diketatkan, tetapi masalah ikan sebagai makanan yang mempunyai protein kepada manusia hendak dibelahbahagi peluang tangkapan. Ini amatlah tidak logik sekali dan lagak dari negara jiran itu amat dikesali. Bak kata pepatah: Belum ditarik, sudah menjela. Yang mendapat faedah orang yang di sebelah, bukan kita, bukannya rakyat Malaysia sepenuhnya.

Seterusnya kepada Kementerian ini diharap akan turut membantu mempertingkatkan kejayaan dalam sektor perikanan dan pertanian yang menjadi sebagai perusahaan dan pengeluar dari sumber-sumber yang sedia ada mengikut perancangan-perancangan yang mendatangkan faedah kepada negara dan rakyat.

Begitu juga, Kementerian ini patut mengambil inisiatif bagi mengawal harga kelapa yang jatuh ke paras yang serendah-rendahnya iaitu di daerah pendalaman sebiji kelapa harganya hanya 5 sen, sedangkan kalau dijual 100 biji baru dapat \$5 atau \$10, manakala upah memanjat adatah mahal dari harga kelapa. Di manakah kaum petani hendak meletakkan harapan mendapat rezeki yang agak berlebihan sedikit, sedangkan jualan kelapa yang mereka dapat hasil itu amatlah mendukacitakan dan menurun sekali. Mungkinkah tidak berfungsi sangat akan buah-buah kelapa yang hasilnya kurang mendapat perhatian langsung dari pihak-pihak yang berkenaan. Maka patutlah Kementerian merancang sesuatu yang lebih berfaedah bagi

menggantikan tanaman kelapa ataupun sebagainya supaya memberikan faedah ataupun hasil yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat tahu sejauh manakah yang diperolehi oleh Kementerian ini hasil dari pertukaran teknologi bagi sektor pertanian dengan negara-negara ASEAN, Adakah negara kita sahaja yang bersifat sebagai tunjuk ajar kepada mereka sedangkan teknologi dari negara-negara jiran, adakah telah menghasilkan sesuatu yang berfaedah kepada negara kita?

Begitu juga kita masih tertanya-tanya kepada Kementerian Pertanian yang mempunyai pusat kajian seperti MARDI dan sebagainya iaitu sejenis pokok yang tumbuhnya di negeri Terengganu, mungkin di negeri lain tidak ada iaitu pokok duku. Di negeri lain saya dapati ada, iaitu di Melaka dan di Johor tetapi tidak sama rasa buahnya. Kalau kami di Terengganu dipanggil duku hutan, tetapi kami di Terengganu berlainan. Yang didapati duku di Terengganu bersamaan buahnya dan rasanya boleh didapati di Indonesia dan juga di Thailand tetapi tak semanis duku dari Terengganu hingga bilakah pihak MARDI dapat menyediakan benih-benih yang baik untuk menanamkan semula pokok yang saya sebutkan tadi supaya tidak kepupusan, kerana ini adalah merupakan pokok buah tahunan. Pokok tahunan yang boleh dikatakan hampir-hampir 10 tahun barulah mendatangkan hasil. Ini juga patut dibuat kajian dan perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan supaya pokok dan buah ini tidak terpujus dari tahun ke tahun dan menghasilkan dengan segera.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, B. 26, Kementerian Pelajaran yang mana adalah satu-satunya Kementerian yang menjaga dan memelihara rakyat bagi menampung keperluan kemudahan-kemudahan

pelajaran yang semakin meningkat di bawah Program Pelajaran Rendah iaitu sebanyak \$174 juta diperuntukkan bagi menyediakan sebanyak 4,200 bilik darjah.

Saya tertarik dengan kenyataan bagi mengadakan bilik-bilik darjah sebanyak yang tersebut dan sangat dialu-alukan, di mana bilik-bilik darjah ini adakah meliputi keseluruhan negara, kerana masih ada lagi sekolah-sekolah rendah, seperti setengah-setengahnya sekolah-sekolah rendah di negeri Terengganu masih menggunakan darjah cantuman iaitu di antara tiga kelas dijadikan dua kelas. Ini kerana kekurangan guru. Maka harapan saya di Dewan yang mulia ini supaya bilik darjah ditambah, maka tenaga guru yang mengajar juga hendaklah diambil kira supaya ditambah bagi menseimbangkan tenaga pengajar dengan penuntut. Janganlah bilik darjahnya yang ditambah tetapi para guru yang mengajar masih di peringkat biasa.

Sepertimana contoh yang saya nyatakan bukan kekurangan bilik tetapi telah berlaku kekurangan tenaga pengajar yang mana semenjak kebelakangan ini disetengah-setengah negeri, khususnya di Terengganu, merujuk kepada Surat Pekeliling yang bertarikh 14hb September, 1985 telah mengarahkan tiap-tiap sekolah rendah supaya bilangan murid-muridnya dalam satu kelas seramai 40 hingga 50 orang.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan satu kelas KBSR seharusnya mempunyai hanya 25 hingga 35 orang sahaja. Saya berharap Kementerian Pelajaran membuat satu dasar atau mengarahkan supaya pelajaran dan pembelajaran KBSR lebih berkesan, saya bimbang jika kelas KBSR melebihi angka 35 orang bagi satu kelas, maka pelajaran dan pembelajaran KBSR akan sia-sia dan objektif tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan kelas-kelas KBSR makin merosot pelajarannya kepada anak-anak, sebagaimana ada setengah-setengah dari ibubapa merungut bahawa KBSR sekarang tidak lagi aktif sebagaimana KBSR yang baru dilancarkan dahulu semenjak tahun 1983. Mutunya sudah merosot. Sekiranya dakwaan ini betul, maka apakah puncanya yang menyebabkan demikian? Adakah kerana dari tenaga pengajar yang tidak ada inisiatif sendiri atau adakah kerana penyelewengan cara-cara mengajar.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian ini juga seharusnya mengambil perhatian yang sungguh-sungguh kepada sekolah-sekolah swasta sama ada merupakan dari kelas TADIKA hingga ke peringkat sekolah menengah secara tidak langsung dijadikan tempat menabur fitnah dan menanam semangat kepada murid-murid supaya bencikan Kerajaan, pemermtah yang ada sekarang, seolah-olah penganjurannya bebas, tidak terikat dengan mana-mana peraturan dan undang-undang sedangkan negara mempunyai berbagai-bagai peraturan dalam segala bidang, tetapi yang anehnya pihak Kerajaan atau Kementerian buat seolah-olah menutup mata.

Begitu juga peruntukan bantuan LPBT (Lain-lain Perbelanjaan Bantuan Tahunan) sekolah-sekolah masih menerima peruntukan yang lama. Khabarnya Kerajaan bercadang memperbesarkan bantuan tersebut. Dari itu, di Dewan yang mulia ini saya ingin tahu bilakah Kementerian Pelajaran akan melaksanakan penambahan bantuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya juga mengemukakan rancangan Kementerian Pelajaran yang mengumumkan Sistem Integrasi Sekolah-sekolah pada awal Ogos, 1985 yang mana akan dilaksanakan secara percubaan dengan sepenuhnya awal tahun 1986 yang

bertujuan integrasi murid-murid untuk perpaduan, maka sangatlah wajar dilaksanakan. Ini adalah sebagai satu usaha yang memperderaskan integrasi nasional.

Dasar rancangan ini adalah baik tujuannya, tetapi sayang dalam kebaikan itu rupa-rupanya ada lagi segelintir yang masih kekeliruan yang menyebabkan ada pihak yang khuatir yang menentang, sedangkan ianya integrasi program kegiatan pelajar-pelajar sekolah rendah yang bertujuan menjalini persefahaman yang lebih baik di antara pelajar-pelajar berbilang kaum sesuai dengan rakyat Malaysia yang mempunyai penduduk-penduduknya yang berbilang kaum dan ianya juga mempunyai hubungan rapat dengan konsep perpaduan yang termaktub dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan sendiri. Dengan wujudnya integrasi murid-murid akan dapat di atasi masalah polarisasi kaum di negara kita ini yang mana untuk mendekati mereka dengan Malaysia sebagai negara tempat tumpah darah mereka yang wajib mereka taat dan hormati.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi program integrasi itu kelak dapat mengelakkan murid-murid dari mempunyai fahaman perkauman yang sempit dan hidup dalam suasana satu kelompok yang terhad. Sehubungan dengan ini, maka langkah mewujudkan integrasi murid-murid untuk perpaduan sangat-sangatlah dialu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Pelajaran ini juga, sehingga kini, berapa ramaiakah, Kementerian ini menghantarkan pelajar-pelajar kita lepas tingkatan lima ke seberang laut sama ada ke USA, United Kingdom dan lain-lain lagi. Kerana usia mereka yang masih muda itulah yang sangat-sangat membimbangkan kita walaupun Kerajaan menghantar mereka suruh belajar tetapi tidak 100% akan belajar.

Mungkin antara hingga 5% dan 10% yang ada cuai ataupun lere. Maka yang lere inilah yang menyusahkan kita kerana usianya yang masih muda itu sangat senang dipengaruhi oleh pergaulan yang bebas dan anasir-anasir yang jahat. Dari itu amatlah baiknya pelajaran A lebel atau belajar dahulu sehingga mempunyai diploma maka barulah diberi peluang untuk menyambung pelajaran mereka ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian ini juga khususnya kepada pegawainya yang ditugaskan untuk ke seberang laut bagi meninjau kedudukan dan perkembangan pelajar-pelajar Malaysia di sana silalah melawat di tempat-tempat yang ada pelajar-pelajar Malaysia yang mempunyai masalah. Jangan memadai dengan melawat di satu dua tempat mereka belajar sahaja. Bahkan jela-jahilah di mana universiti yang ada penuntut kita di sana. Khidmatlah wahai tuan-tuan pegawai dengan penuh tanggungjawab kepada anak-anak bangsa dan tanahair tuan-tuan sendiri. Kalau tidak, kita akan kecewa padahnya. Kerana mungkin negara kita ada pelajar-pelajarnya di luar negara hampir-hampir 20,000 penuntut yang separuhnya mempunyai biasiswa Kerajaan dan yang separuh lagi itu pelajar bersendirian yang mana pelajar yang bersendirian ini juga kita mesti mengetahui perkembangan mereka yang perlu kita dekati supaya tindak-tanduk mereka di luar negara kita dapat makluman dan dapat kita bertindak walaupun mereka pelajar sendiri sedangkan mereka mempunyai kerakyatan Malaysia. Tidak ada guna dan maknanya sekiranya mempunyai rakyat yang sedemikian tetapi tidak melahirkan ketaatan kepada Malaysia yang setengahnya hanya untuk mendapatkan faedah dan keuntungan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pelajar-pelajar yang mempunyai

biasiswa Kerajaan dengan pelajar-pelajar bersendirian tidak diperdekatkan maka mereka tidak akan medekatkan. Bahkan pelajar-pelajar bersendirian akan jauh dan menjauhkan lagi dirinya daripada pelajar-pelajar yang , mendapat biasiswa. Mereka menganggap dan menuduh yang bukan-bukan. Maka dari sinilah timbul unsur-unsur yang buruk sangka kepada Kerajaan kita dengan berbagai tuduhan jahat. Contohnya ada pelajar-pelajar yang mempunyai biasiswa Kerajaan yang belajar di bawah satu bumbung universiti yang sama dengan pelajar-pelajar bersendirian tetapi ada pelajar-pelajar yang memegang biasiswa Kerajaan berjumpa dengan pelajar-pelajar tetapi malangnya, pelajar-pelajar bersendirian tidak mahu menyahut teguran yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang memegang biasiswa. Ini telah berlaku di universiti di Amerika. Kita tidak mahulah kata pantun Melayu Terengganu iaitu "Pak Itam Nana Pak Kassim Dogol". Ada yang nak kenal tetapi ada yang tidak mahu tegur. Inilah yang patut kita pertikaikan dari masa ke semasa. Jangan kita biarkan pelajar-pelajar yang bersendirian itu melakukan sesuatu yang tidak diinginkan kerana dia juga daripada rakyat kita. Kita boleh bertindak akan perbuatan-perbuatan liar mereka kepada negara dan sebagainya.

Begitu juga semasa kita menghantar anak-anak belajar keluar negeri, adakalanya menghantar, asalkan nama universiti, kita hantar. Tetapi adakala universiti yang tidak sampai seribu orang penuntut pun kita hantar. Jadi, perlulah kita berhati-hati supaya kita pandang kepada universiti yang berkualiti, dari segi akademiknya dan sebagainya supaya tidaklah menjadi mangsa yang tidak diinginkan kepada pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di Pertua, begitu juga kerosakan moral atau akhlak di kalangan penuntut-penuntut

perempuan dari tingkatan tiga, empat dan lima mungkin dapat dikurangkan kiranya dalam masa mereka tamat peperiksaan LCE atau SRP, masa yang terluang itu patut diadakan kursus kepada mereka. Yang kita menitikberatkan, kursus itu ialah kefahaman agama supaya mereka tidak meluangkan masa dengan pergaulan yang siasia ataupun pergaulan bebas. Begitu juga kepada penuntut-penuntut tingkatan lima yang masa luangnya di antara selepas peperiksaan dan sehingga menunggu masa keputusan, jadi ada baiknya Kementerian ini memikirkan hal ini supaya penuh masa untuk anak-anak ini dengan berikan kursus dan sebagainya supaya mereka ini tahu sedikit sebanyaknya akan unsur-unsur agama yang boleh membimbing diri mereka kepada jatan baik dengan kerjasama daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan yang ada hubung kaitnya dengan perkembangan masyarakat seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Seterusnya kepada Kementerian Kesihatan iaitu B. 34 yang mana Belanja peruntukan sebanyak \$1,174,354,000 yang diuntukkan termasuk membina lima buah hospital baru selaras dengan fungsi asas perkhidmatan kesihatan dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang bercorak pencegahan dan rawatan. Dalam memperuntukkan pembinaan 5 buah hospital baru, mungkin tidak termasuk pembinaan hospital daerah iaitu Hospital Daerah Ulu Terengganu. Khabarnya hospital ini akan dibinakan pada tahun 1988, bererti 3 tahun lagi rakyat jelata di daerah itu tidak akan mempunyai hospital daerah.

Soalan saya, kenapa begitu lambat sekali perhatian Kementerian ini untuk pembinaan hospital di daerah tersebut, sedangkan tapak telah disediakan semenjak beberapa tahun yang lalu. Lebih-lebih lagi di daerah ini adalah terlibat dengan masalah kematian bayi

yang baru lahir dan kematian ibu-ibu yang bersalin akibat kurang mendapat rawatan kesihatan yang sempurna. Walaupun kira-kira 10 tahun yang lalu angka kematian ibu dan bayi yang mati ketika bersalin telah menurun kira-kira separuh tetapi malangnya hal ini tidak berlaku di Terengganu, Pahang dan Kelantan, khususnya di daerah Ulu Terengganu. Dari itu peruntukan dan penyiasatan tentulah akan dan perlu dilakukan untuk mencari sebab-sebab yang mendorong ibu-ibu di negeri ini yang enggan dihantar ke hospital untuk bersalin. Mungkinkah juga sebab-sebab yang lain kerana ketiadaan khidmat rawatan kesihatan yang cukup sebagaimana yang diperlukan di setengah-setengah kawasan yang terpencil di negeri-negeri yang dinyatakan tadi. Mungkin juga kerana kejahilan di kalangan penduduk-penduduk tentang zat-zat makanan bagi ibu-ibu yang mengandung sehingga ibu-ibu dan anak-anak mereka tidak mendapat kekuatan yang cukup untuk menempuh cabaran bila tiba masanya. Setengah-setengahnya kerana kemiskinan kerana adakalanya juga banyak kampung-kampung yang terpencil di luar bandar yang belum mendapat bekalan air bersih menyebabkan mereka menggunakan air kolam yang mudah mendatangkan penyakit. Dan juga mereka belum menikmati atiran elektrik sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan demikian maka jentera penerangan negara hendaklah memainkan peranan penting untuk menyedari penduduk tentang perlunya makanan yang berzat bagi memelihara kesihatan ibu-ibu yang hamil, juga untuk menjamin kesuburan anak-anak mereka sama ada kesuburan tubuh badan mahupun kecerdasan otak. Dalam kemelesetan ekonomi mungkin setengah daripada rancangan khidmat masyarakat ke luar bandar terpaksa ditangguhkan, tetapi kesulitan ini mungkin dapat dikurangkan kiranya ada perhatian bersama daripada

beberapa Kementerian yang lain yang ada hubung kaitnya dengan perkembangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos iaitu di mana di negeri Terengganu iaitu di Daerah Ulu Terengganu telah ada satu Ampangan Kenyir. Apa yang mendukacitakan ialah masih ada lagi kampung-kampung yang berdekatan dengan ampangan itu, yang tak jauh, yang mana tak lebih dari dua batu yang masih dianaktirikan bekalan etektrik iaitu hanya mendapat bekalan selama 12 jam dalam sehari semalam. Perkara ini patutlah Kementerian ini memberikan perhatian yang sewajarnya kerana kalau tidak silap saya ada 17 buah kampung yang berdekatan yang sehingga sekarang masih tidak dilayani lagi dengan bekalan elektrik dengan sepenuhnya, sedangkan mereka itu telah mengorbankan banyak harta benda seperti tanah dan pokok buah-buahan tahunan kepada pembinaan Ampangan Kenyir tersebut. Sedangkan kadangkala ada yang kalau terlibat, tanahnya diambil untuk ampangan tersebut, pokok-pokok tahunan yang saya sebutkan tadi kalau tidak dituntut oleh tuan punya tanah, maka terbiarlah dngan tidak ada balasan ataupun pampasan kepada mereka. Itulah yang menyebabkan banyak pengorbanan orang kampung dengan wujudnya Ampangan Kenyir yang mana tenaganya bukan sahaja untuk negeri Terengganu sahaja, bahkan boleh dikatakan untuk keseluruhan negara menikmati bersama. Jadi perkara ini juga sepatutnya diperhatikan dan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Seterusnya kepada Kementerian Pengangkutan, iaitu Sistem Penerbangan MAS saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan pakaian pramugarinya, Kalau tidak silap saya, sejak dua tahun yang lalu

Wanita UMNO telah menghantar satu memorandum supaya pakaian pramugari itu diubahsuai supaya sesuai dengan penerapan nilai-nilai Islam, kerana masih lagi terdapat koyak dibetis, koyak di sana, koyak di sini. Jadi amat penting perkara ini diubah dan dikaji semula Kita tidak mahu lagi dengan jawapan akan dikaji, akan dikaji, tetapi pelaksanaannya biarlah benar-benar wujud dan dapat perhatian yang sewajarnya.

Begitu juga keadaan penyediaan makanan di dalam masa penerbangan. Sepatutnya kita mengadakan juga makanan masakan ala Malaysia supaya dapat diperkenalkan kepada negara-negara lain yang mana Malaysia juga mempunyai makanan yang lazat dan yang boleh menandingi di antara makanan-makanan bangsa-bangsa lain.

Seterusnya kepada Kementerian Perusahaan Awam, semenjak 10 tahun yang lalu kita mendengar Kementerian ini telah membuat kajian iaitu akan mengadakan beca berjentera ataupun dipanggil tut-tut. Tetapi saya dapati dalam Dewan Rakyat baru-baru ini cadangan ini telah ditolak dengan alasan sudah banyak kenderaan, takut tak terjaga kesebokan di jalan raya makin bertambah kajian telah dibuat tetapi mengapa sekarang ditolak, tidakkah kita memikirkan di zamah sains dan teknologi masih ada lagi manusia yang menggunakan keringat yang banyak untuk mendapatkan hasil yang sedikit. Kalau menggunakan beca berjentera ini adalah lebih baik kepada pengayuh-pengayuh beca kerana dapat diubahsuai dan menggantikan kepada beca-beca yang ada.

Jadi patutlah dikaji balik oleh Kementerian ini, janganlah ditolak dengan sewenang-wenangnya iaitu setelah dikaji, kemudian ditolak. Ini tidak ada makna kerana merugikan masa tenaga dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri perbincangan atas Akta Belanjawan bagi tahun 1986 ini, saya menyampaikan ucapan tahniah kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) kerana pembinaan pembangunannya yang begitu unik dan menjadi kebanggaan umat Islam di negara ini. Kerana apa yang saya hendak ucapkan tahniah sebab perbelanjaan untuk membinakan bangunan tersebut tidak melibatkan pinjaman kewangan dari mana-mana institusi kewangan di negara ini. Bererti dia tidak berhutang. Jadi ini adalah satu contoh yang baik dan menjadi kebanggaan kepada kita umat Islam sekalian khususnya kepada negara Malaysia di samping mengharap khidmat-khidmatnya kepada jemaah haji bertambah baik dan meninggikan mutu pentadbirannya, yang lebih cekap. Dan pada akhirnya saya menyokong sepenuhnya akan Akta yang dibentangkan iaitu Akta Perbekalan 1986. Sekian, terima kasih.

5.55 ptg.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 di Dewan yang mulia pada petang ini.

Sebelum itu saya ingin menyampaikan sekalung ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas kemampuannya mengemukakan Belanjawan ini yang boleh dianggap sebagai "belanjawan berani" dengan merangkumi dua strategi utama demi kepentingan masa depan rakyat dan negara dalam menghadapi kemungkinan kemelesetan ekonomi dunia yang berterusan, di samping terus berusaha memperbaiki serta mempertingkatkan sosio-ekonomi rakyat miskin dari berbagai golongan, dari berbagai bangsa dan keturunan sama ada rakyat miskin yang hidup di bandar, mahupun di luar bandar.

Pada tanggapan saya Belanjawan 1986 yang sedang kita bincangkan ini dirangka dengan mengambil kira segala kemungkinan dan cabaran yang akan dihadapi oleh rakyat dan Kerajaan pada tahun akan datang. Kerana itu Belanjawan ini, di samping "belanjawan berani", ianya juga menggambarkan "belanjawan jimat cermat" dan "berhati-hati" dengan harapan prestasi pertumbuhan ekonomi negara akan terus berkembang, walaupun pertumbuhannya secara agak perlahan.

Pada satu sudut saya melihat Belanjawan yang dikemukakan itu semacam meminta sedikit sebanyak pengorbanan rakyat, untuk sama-sama memikul beban tanggungjawab bersama-sama Kerajaan dalam menghadapi saat-saat krisis ekonomi dunia yang sukar diramalkan entahkan bila akan berakhir.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur kerana walaupun banyak negara-negara lain mengalami krisis ekonomi yang lebih serius, namun negara kita masih berupaya, negara kita masih bertenaga memperkenalkan satu bentuk Belanjawan yang stabil dan munasabah, yang sekali gus mampu pula membendung suasana lebih buruk dari menimpa rakyat dan negara kita.

Kestabilan yang dapat kita nikmati ini sudah pasti merupakan satu hadiah yang paling berharga hasil dari kejujuran, kecekapan dan kemampuan Kerajaan menyempurnakan amanah rakyat dengan jujur, bertanggungjawab serta bekerja keras di samping sokongan dan kerjasama rakyat secara padu dan berterusan. Saya percaya dengan kemampuan negara mempertahankan prestasi ekonomi pada tahap yang ada sekarang, dalam jangka masa beberapa tahun kebelakangan ini, bermakna negara kita akan mencipta satu rekod kejayaan yang membanggakan dan

seterusnya ia memberi semangat kepada rakyat untuk terus memberikan sokongan yang padu kepada Kerajaan untuk mengekalkan maruah negara supaya terus mendapat penghormatan dari negara-negara lain di dunia, terutama sekali jiran dari negara-negara Asean sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan perbincangan saya pada petang ini, izinkan saya menyentuh beberapa Kementerian secara umum dan saya mulakan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi saya selepas Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab mendidik dan mengisi dada rakyat dengan ilmu pengetahuan sejak kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pula bertanggungjawab menjaga kebajikan dan kepentingan generasi muda selepas mereka meninggalkan sekolah. Sebagaimana kita sedar bahawa zaman remaja merupakan suatu zaman peralihan antara zaman kanak-kanak sebelum melangkah ke alam dewasa.

Oleh itu, dunia peralihan bagi seseorang manusia ini merupakan suatu waktu yang amat kritikal yang memerlukan perhatian dan bimbingan yang sewajarnya supaya mereka dapat memasuki ke alam dewasa nanti dengan penuh keyakinan dan penuh kejayaan. Ketika di zaman peralihan inilah pengaruh sosial, tekanan emosi dan kehidupan telah menangkap berpuluh-puluh ribu golongan belia kita ke dalam neraka serta memusnahkan masa depan masyarakat belia itu sendiri iaitu sebagai masyarakat generasi kedua kepada bangsa kita.

Melihat trajedi demi trajedi yang berlaku, saya berharap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat merancang program-program pembangunan sosial dan ekonomi untuk masyarakat belia secara lebih

berkesan pada masa akan datang. Dan sejajar dengan hasrat ini peruntukan-peruntukan yang lebih besar perlu diberi kepada Kementerian berkenaan.

Sehubungan dengan ini saya mencadangkan supaya Pusat Latihan Kemahiran Belia diwujudkan di tiap-tiap negeri dengan menyediakan Rancangan-rancangan latihan dalam berbagai bidang sama ada bidang perusahaan, pertanian, perniagaan, kejenteraan dan sebagainya. Dengan adanya pusat-pusat kemahiran seperti itu akan memudahkan kita memberi pendidikan rohani, memberi pendidikan agama kepada masyarakat belia untuk membentuk mereka mempunyai disiplin yang tinggi, mempunyai semangat yang tinggi, semangat yakin kepada diri mereka sendiri. Mereka juga perlu diberi latihan-latihan tahan lasak, latihan-latihan jasmani seperti kawat dan sebagainya supaya tenaga mereka boleh dikerah pada bila-bila masa sahaja sekiranya diperlukan oleh negara.

Bercakap mengenai pusat latihan kemahiran ini, saya merasa dukacita kerana semenjak tiga tahun yang lalu Kerajaan Negeri Terengganu telah menganugerahkan satu kawasan tanah seluas 100 ekar untuk dijadikan tapak projek tersebut tetapi malangnya sehingga hari ini, kawasan itu masih belum diusik oleh pihak Kementerian berkenaan, saya percaya barangkali projek itu ditangguhkan kerana kemelesetan ekonomi negara. Pada pendapat saya projek ini bukanlah merupakan suatu projek mewah, sebaliknya ia merupakan sebuah pusat yang amat penting bagi membekalkan sedikit-sebanyak kemahiran kepada masyarakat belia yang boleh menjadi tenaga penggerak, membangunkan ekonomi negara di samping mengurangkan pengangguran dan sekali gus menyekat mereka dari kegiatan-kegiatan yang tidak diingini,

Kalaulah Kerajaan kita bersedia membelanjakan peruntukan yang begitu besar untuk membina Pusat-pusat Pemulihan Dadah, saya yakin tidak ada sebab mengapa Kerajaan masih teragak-agak untuk membina Pusat-pusat Latihan Kemahiran Belia seperti itu kerana yang satu kita belanjakan wang untuk mengubati penyakit, untuk mengubati penagih-penagih dadah supaya mereka menjadi rakyat yang baik dan sempurna, manakala yang satu lagi kita berusaha mencegah penyakit dari menghampiri masyarakat helia kita.

Pada hematnya mencegah penyakit adalah sama pentingnya dengan usaha mengubati penyakit kerana kedua-duanya adalah merupakan kepentingan yang amat berharga kepada rakyat dan negara. Begitu juga dengan Projek Belia Peladang yang telah dihentikan kira-kira dua tahun yang ialu patutlah diteruskan, setelah dilakukan kajian semula melihat kembali kelemahan-kelemahan yang terdapat di sana sini, kerana melalui projek yang seperti ini diharap dapat diselaraskan dengan program pemulihan tanah terbiar yang akan dilaksanakan oleh FELCRA secara besar-besaran tidak lama lagi.

Dengan demikian, kita akan dapat menyekat mesyarakat belia dari kawasan luar bandar dari berhijrah ke kawasan-kawasan bandar yang telah pun tersedia dengan timbunan golongan belia yang masih menganggur dan masih tidak mempunyai pekerjaan. Saya juga suka menyentuh mengenai Rancangan Belia Niaga yang diletakkan di bawah Kementerian ini, saya melihat sejak rancangan ini dilancarkan, ramai kalangan belia kita berjaya menceburkan diri daam dunia perniagaan secara kecil-kecilan, malah sebahagian dari mereka telah, pun menceburkan diri dalam dunia perniagaan yang lebih besar dan berjaya. Saya berharap program ini diperluaskan lagi supaya lebih ramai

kalangan mereka akan mendapat peluang mencari rezeki melalui projek Belia Niaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh serba sedikit mengenai sektor keselamatan negara yang sekali gus merangkumi Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri. Belanjawan tahun hadapan memperuntukkan bagi pertahanan sebanyak \$216 juta, manakala \$269 juta diperuntukkan bagi keselamatan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengingatkan Kerajaan bahawa dalam keghairahan kita untuk membangunkan negara dengan menyediakan berbagai keselesaan hidup kepada rakyat, kita tidak wajar sama sekali memandang ringan kepada sektor keselamatan dan pertahanan negara kita. Hari ini kita melihat suasana politik yang agak kurang stabil, bukan sahaja negara-negara di rantau ASEAN tetapi juga negara-negara lain termasuk negara-negara gergasi. Oleh itu, perhatian kita dalam sektor pertahanan dan keselamatan ini harus dipertingkatkan lagi. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana telah dapat mengekalkan keselamatan negara kita ini semenjak mula kita mencapai kemerdekaan hinggalah masa kini. Di samping itu kita juga bersyukur ke hadrat Allah kerana telah memberi perlindungan yang sebaik-baiknya kepada kita berkat dari kestabilan politik dan perpaduan rakyat di negara ini.

Walau bagaimanapun dalam keadaan kedamaian yang kita nikmati ini, Kerajaan harus menyimpan sedikit sebanyak perasaan cemburu dan bimbang. Dalam hubungan ini kita harus menyediakan payung sebelum hujan kerana walau bagaimana indahnya negara ini kita bina dan kita bentuk, walau bagaimana mewah dan sejahteranya hidup rakyat kita melalui berbagai projek-projek pembangunan

yang kita bina tetapi ia pasti akan hanya menjadi sia-sia takdirnya sesuatu yang tidak diinginkan bertaku. Kita mohon perlindungan dari Allah s.w.t. dari sebarang kejadian yang tidak baik tetapi perasaan cemburu harus sentiasa ada dalam perasaan kita.

Saya sedar bahawa dasar berkecuali yang diamalkan oleh negara satu kita serta dasar terbaik-terbaik dengan negara-negara lain adalah senjata utama bagi mengelakkan insiden-insiden yang tidak diinginkan tetapi kita mesti juga bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dengan persediaan yang cukup. Oleh itu, saya mencadangkan supaya sektor pertahanan dan keselamatan dalam negeri ini perlulah diperkukuhkan lagi walaupun Belanjawan negara yang dibentangkan ini akan mengambil kira pembekuan pengisian jawatan-jawatan kosong dan pengujudan jawatan-jawatan baru tetapi saya mencadangkan supaya pembekuan ini tidak akan turut melibatkan pengambilan rekrut-rekrut baru Angkatan Bersenjata termasuk juga Anggota-anggota Polis.

Saya juga mengesyorkan kepada Kerajaan supaya meningkatkan lagi latihan-latihan serta mengekalkan disiplin ketenteraan dan "morale" yang tinggi di kalangan Angkatan Bersenjata Pasukan Polis kita. Di samping itu kita juga tidak seharusnya mengabaikan persenjataan. Persenjataan juga merupakan alat yang penting bagi pertahanan dan keselamatan. Oleh itu, saya berharap supaya Kerajaan dapat membekatkan senjata-senjata yang lebih moden dengan harapan kita dapat mempertingkatkan pertahanan dan keselamatan kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Kementerian Peneangan pula, saya ingin menarik perhatian mengenai lesen TV. Lesen TV sepatutnya dinaikkan bayaran sebulan

lagi tetapi mengikut berita yang saya ikuti malam tadi ditangguhkan pada satu masa yang lain. Saya tidak tahu mempersoalkan mengenai kenaikan lesen TV warna kepada \$30 setahun di samping mengekalkan lesen TV hitam putih \$24 setahun.

Apa yang menarik perhatian saya ialah mengenai penerimaan siaran TV dan radio yang tidak menyeluruh. Misalnya siaran Radio FM stereo hanya dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di beberapa buah negeri berdekatan dengan ibu kota ini sahaja. Begitu juga dengan siaran TV 3. Siaran TV 3 ini amat terfokus kepada kawasan yang berhampiran, kepada kawasan yang tertentu sahaja, manakala kawasan-kawasan yang lain, kawasan-kawasan yang agak jauh tidak dapat menikmati siaran TV 3 ini sedangkan sebilangan besar rakyat pembayar-pembayar lesen TV ini adalah secara sama rata tidak kira mereka yang menikmati siaran TV 3 ataupun tidak pembayarannya adalah sama. Oleh itu, kadang-kadang rakyat di kawasan-kawasan yang jauh yang tidak dapat menerima siaran-siaran ini merasakan seolah-olah semacam satu ketidakadilan berlaku antara mereka dengan setengah-setengah pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah mengenai "Laporan Parlimen" TV Malaysia. Masa "Laporan Parlimen" ini diberikan ataupun disediakan untuk selama 15 minit sahaja. Oleh kerana laporan ini pada pendapat saya merupakan maklumat-maklumat yang sangat penting untuk disampaikan kepada rakyat dibandingkan dengan lain-lain rancangan hiburan terutama tayangan-tayangan hiburan dari luar negeri tentulah "Laporan Parlimen" ini saya merasakan lebih penting lagi. Oleh itu, melihat waktu yang diberi amat terbatas sekali tentulah kita akan bertanya, kenapa keadaan ini berlaku: Apakah TV Malaysia kurang mendapat bekalan berita sedangkan

berita-berita dari BERNAMA disalurkan kepada TV di samping berita-berita liputan yang dibuat oleh wartawan-wartawan RTM sendiri. Jadi, apalah salahnya kalau TV Malaysia menambah sedikit masa siaran itu, misalnya dari 15 minit tambah menjadi 20 minit ataupun lebih sedikit, dengan itu akan memberi lebih banyak peluang kepada Kementerian-kementerian menyampaikan maklumat-maklumatnya kepada rakyat. Jadi melalui siaran laporan itu rakyat akan dapat mengikuti perkembangan-perkembangan perancangan-perancangan dan strategi-strategi Kerajaan untuk membangunkan rakyat. Jadi, pada saya inilah salah satu media Kerajaan yang sepatutnya digunakan dengan sebaik-baiknya. Oleh itu, saya minta perhatian dari Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa satu keadaan yang amat kurang munasabah ketika Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang serentak pada minggu yang pertama bulan Disember ini saya dapati "Laporan Parlimen" TV masih juga dihadkan masanya selama 15 minit sahaja, ini tentulah suatu waktu yang amat terbatas. Apabila kedua-dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara masing-masing bersidang selama 4 jam, ertinya kedua-dua Dewan ini 8 jam bersidang. Pastilah dalam waktu yang begitu lama banyak perkara-perkara penting yang ditimbulkan dan perlu diketahui oleh rakyat jelata melalui media massa yang disediakan oleh Kerajaan. Saya berharap sekali lagi Yang Berhormat Menteri Penerangan akan dapat mengkaji keadaan ini sebaik-baiknya terutama sekali di saat-saat pilihanraya hampir tiba, saya percaya rakyat sedang meneliti dengan cermat ke arah mana Kerajaan, ke arah mana Menteri-menteri mereka, ke arah mana pemimpin-pemimpin mereka membawa mereka dan maklumat ini boleh disampaikan melalui "Laporan

Parlimen" TV selain dari melalui Rancangan "Peristiwa" dan "Berita".

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pelajaran di samping mengalu-alukan satu peruntukan yang agak besar iaitu sejumlah \$1,250 juta yang akan digunakan untuk menyediakan lebih banyak bilik-bilik darjah sekolah rendah dan menengah, makmal-makmal dan peralatan di samping menyediakan 18 buah sekolah vokasional baru dan 56 buah politeknik baru, saya berharap masalah kekurangan tenaga pengajar atau guru-guru di sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah ataupun di sekolah-sekolah menengah hendaklah di atasi dengan segera. Saya percaya Kementerian Pelajaran sedar bahawa tenaga pengajar yang cukup akan memberi kesan yang baik kepada murid-muridnya. Sebaliknya kalau tenaga pengajar ini sentiasa berkurangan sedangkan murid-muridnya bertambah pada setiap masa dalam keadaan kelas-kelas yang sesak tentulah akan memberi kesan negatif kepada anak-anak kita.

Masalah kekurangan guru ini saya rasa lebih banyak dialami oleh sekolah-sekolah di luar bandar. Oleh itu saya berharap sekiranya masalah ini telah pun berada di peringkat yang agak serius, maka ianya hendaklah diselesaikan dalam waktu secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Belanjawan 1986 begitu mengambil perhatian terhadap pencapaian objektif Dasar Ekonomi Baru untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan memperuntukkan sejumlah \$2,861 juta bagi projek-projek pembasmian kemiskinan dan \$500 juta bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat, maka dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan menyediakan satu rumusan khusus membangun dan memajukan kampung-kampung tradisional di

seluruh negara ini. Tumpuan utama hendaklah diberi kepada kampung-kampung tradisional yang masih lagi belum mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air.

Walaupun kita telah merdeka selama 28 tahun, kita hidup dalam sebuah negara yang begini aman, sepatutnya sudah tidak ada lagi rakyat yang tidak menerima cahaya elektrik ataupun rakyat yang tidak mengenal jalan raya ataupun rakyat yang tidak mengenal paip air. Tetapi pada hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini masih ada, masih banyak kampung-kampung tradisional yang terbiar dalam kegelapan dan tidak ada jalan untuk sampai ke kampung mereka dan mereka hanyalah menggunakan air sungai sebagai tempat mandi-manda, minum, membasuh. Itulah sahaja punca air yang ada pada mereka.

Di negeri Terengganu sendiri terdapat beberapa buah perkampungan yang seperti ini, malah barangkali kita kurang percaya kalau saya katakan bahawa ada di antara rakyat di kawasan pedalaman ini yang belum tengok bas ataupun kereta. Mereka ini lebih kenal dengan helikopter, sebab helikopter ini selalu turun di kawasan mereka untuk menghantar bekalan makanan ketika banjir, sedangkan tidak ada jalan ke kampung mereka, yang ada hanyalah sungai dan sungai itulah merupakan lebuh raya bagi mereka. Mereka ini setengah-tengahnya tidak turun ke bandar sebab kalau hendak ke bandar terpaksa memakan masa sehari-hari dan tambang motorbot untuk ke bandar ini barangkali mengorbankan hampir setengah dari pendapatan bulanan mereka. Jadi buat apalah turun ke bandar, lebih baiklah duduk di kampung walaupun terpaksa hidup dalam suasana yang amat menyedihkan.

Pengalaman-pengalaman telah mengajar kita dan memperlihatkan kepada kita bagaimana penderitaan ini dialami oleh masyarakat, oleh rakyat di kampung tradisional ini. Anak-anak mereka pergi ke sekolah ada yang tidak memakai kasut dan apabila mereka balik dari sekolah untuk membaca buku-buku pelajaran di waktu malam, mereka hanyalah dibekalkan dengan pelita minyak tanah yang sangat malap. Dari keadaan ini adalah pasti menjejaskan pelajaran mereka, sebab itulah pencapaian murid-murid di kawasan luar bandar ini amat jelas jika kita bandingkan dengan pencapaian yang diterima oleh murid-murid di kawasan bandar ataupun di kawasan-kawasan yang mempunyai kemudahan-kemudahan bekalan elektrik dan sebagainya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan yang merangkumi beberapa Kementerian yang berkenaan, Kementerian yang berkaitan, seperti Kementerian Kerjasama, Kementerian Tenaga, Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan dan sebagainya, bekerjasama merumuskan satu keadaan ataupun menyediakan satu projek supaya dapat mengadakan pembangunan bersepadu yang bersegera agar dapat kita bangunkan kampung-kampung ini sebelum berakhirnya tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kita akan tidak sanggup lagi melihat penderitaan yang dialami oleh masyarakat di kawasan pedalaman seperti saya sebutkan itu. Oleh itu tindakan segera, tindakan yang bersungguh-sungguh hendaklah diambil oleh semua pihak yang berkenaan supaya kita tidak meninggalkan mereka, supaya kita tidak membiarkan anak-anak mereka hidup dalam penderitaan dan kegelapan serta dalam kemiskinan yang amat ketara.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat rakyat di kampung ini yang sebenarnya kaya, bukannya miskin. Mereka mempunyai tanah tetapi apalah hendak dibuat dengan tanah itu. Mereka tidak mempunyai jentera-jentera untuk membangunkan tanah dan kalau pun mereka menanam berbagai-bagai jenis tanaman sekalipun, ke manalah hendak mereka pasarkan. Kalaupun perjalanan untuk sampai ke bandar telah memakan masa sampai 3 ataupun 4 hari, kalau bawa pisang, pisang akan hancur, kalau bawa apa sahaja pun setelah sampai ke bandar, semuanya layu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar berharap, saya benar-benar merayu supaya Kerajaan mengambil perhatian yang bersungguh-sungguh terhadap kampung-kampung tradisional di seluruh negara ini, bukan sahaja ditumpukan di Terengganu ataupun di Pahang, di Kelantan dan sebagainya, supaya kita memberi nikmat yang sama kepada rakyat di kawasan-kawasan yang seperti itu. 28 tahun kita merdeka, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kita masih lagi membiarkan sebilangan rakyat kita hidup dalam keadaan yang amat menyedihkan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, oleh kerana saya datang dari sebuah negeri di Pantai Timur, tentulah tidak akan lengkap kalau tidak saya sentuh serba sedikit mengenai perikanan kerana Terengganu merupakan negeri yang kaya dengan nelayan, tetapi nelayan-nelayan ini kaya pula dengan kemiskinan bukan kaya dengan harta.

Oleh itu perhatian yang lebih bersungguh-sungguh perlulah diambil oleh Kementerian yang berkenaan.

Pada waktu ini nelayan-nelayan tempatan nampaknya meransang sangat menentang rancangan usahasama nelayan Thai dan Malaysia untuk menangkap ikan di air dalam. Jadi saya minta kepada Kementerian berkenaan supaya ambillah tempoh bertenang untuk sementara waktu, berilah tempoh beberapa tahun kepada nelayan-nelayan tempatan ini mencuba nasibnya berusaha sendiri, di samping itu mungkin pandangan mereka akan berubah, fikiran mereka juga akan berubah dan mereka akan menerima konsep usahasama ini. Di samping itu, Kementerian seharusnya tidak lupa dalam membuat kajian itu mengenai masalah-masalah perhubungan antara kedua-dua nelayan iaitu nelayan Thai dan Malaysia ini, iaitu perhubungan bahasa merupakan perhubungan yang amat penting kerana mereka akan hidup dalam sebuah perahu, akan bekerja dalam sebuah kapal. Begitu juga dari segi adat istiadat masing-masing, kemudian cara makan minum, ini juga merupakan masalah-masalah yang amat sensitif.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung lagi ucapannya esok. Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 3.00 petang hari esok, Jumaat, 13hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.